


Jilid II
Bil. 62



Hari Khamis
11hb Disember, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7531]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 7560]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir [Ruangan 7561]

Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) [Ruangan 7576]

Rang Undang-undang Pemberian kepada Negeri (Penyenggaraan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan) [Ruangan 7578]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Wilayah Persekutuan, DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.I. K.M.N. (Pulai).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

” Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T., (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- ” Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awan, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.K., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Star).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- ” DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN MARK KODING (Kinabalu).

- " DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- " TUAN LEE KAW (Kluang).
- " TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- " DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- " TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- " TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- " TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUAN MOHD ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- " TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- " TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- " TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- " DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- " TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- " TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- " TUAN P. PATTO (Menglembu).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- " DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- " DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- " TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).

- Yang Berhormat PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHBUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjung).
- ” DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAYKAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 11hb Disember, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

IKLAN "JUAL MURAH" PALSU

1. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan supaya orang ramai tidak akan tertipu dengan iklan "Jual Murah" yang dipamer di kedai-kedai kerana barang yang dijual tidaklah begitu murah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah dan akan terus bertindak dengan tegas ke atas semua peringkat peniaga-peniaga yang mengamalkan penipuan kepada orang ramai melalui iklan-iklan Jualan Murah. Tindakan-tindakan ini diambil di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak kempen memerangi iklan-iklan Jualan Murah palsu ini dijalankan pada pertengahan bulan Julai 1980 sehingga ke masa ini sebanyak 21 kes telah diambil tindakan yang mana barang-barang bernilai sebanyak \$65,532.00 telah ditahan. Jenis-jenis barang yang telah ditahan kerana terlibat dengan

iklan-iklan Jualan Murah palsu adalah terdiri daripada:

(a) Kasut	350 pasang
(b) Bag Tangan	139 buah
(c) Kain Ela	200 gulung
(d) Pakaian-pakaian siap		1,461 pasang
(e) Jam Tangan dan Jam Dinding	93 buah
(f) Permaidani	9 helai
(g) Lampu	33 unit
(h) Camera	19 buah
(i) Kerusi Meja	1 set

Semua peniaga-peniaga yang terlibat di dalam amalan penipuan ini akan dihadapkan ke Mahkamah untuk dibicarakan dan setakat ini 2 kes telahpun dihadapkan ke Mahkamah tetapi kedua-dua kes ini belum selesai dibicarakan

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, berkenaan dengan kedai-kedai yang mempamerkan sepanduk berkenaan dengan jual murah nampaknya banyak kedai yang berbuat demikian di kawasan saya Kuala Lumpur Bandar pada musim perayaan.

Suka saya bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Pegawai-pegawai Penguatkuasa daripada Kementerian yang berkenaan ada menjalankan usaha untuk membuat pemeriksaan di tiap-tiap kedai supaya dapat menentukan bahawa tidak ada apa-apa kejadian penipuan yang timbul.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi tugas Kementerian saya melalui Bahagian Penguatkuasaan bagi mengadakan penyiasatan daripada satu masa ke satu masa dan saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat tadi memandangkan hari-hari perayaan akan sampai Kementerian akan mempertingkatkan pemeriksaan yang telah sedia ada pada masa sekarang.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah patut sesebuah syarikat yang hendak mengadakan jual murah hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu supaya peringkat harga murah yang dimaksudkan itu ada dalam pengetahuan pihak penguatkuasa.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kalau benar-benar macam mana dikatakan tadi hendak dimurahkan dan benar dilaksanakan iaitu menurunkan harga untuk pengguna, walaupun tidak diberitahu kepada Kementerian tetapi demi kepentingan pengguna, saya rasa tidak ada salahnya berbuat demikian.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi mengelakkan sebarang penipuan di dalam masalah ini adakah Kementerian bercadang untuk mengeluarkan senarai anggaran harga minima semasa kepada barang-barang yang hendak dijual murah itu kepada orang ramai untuk digunakan dalam masa membeli-belah.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita belum ada rancangan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah Kementerian beliau mempunyai cukup Pegawai-pegawai Penguatkuasa bagi mengawal harga barang-barang di seluruh negara.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Kita baru sahaja menemuduga lebih kurang 480 orang Pegawai Merinyu baru untuk bertugas menguatkuasakan undang-

undang di bawah Kementerian ini. Saya percaya dengan adanya tenaga lebih kurang 600 lebih pegawai-pegawai ini kita akan mempunyai keupayaan yang lebih dari segi menguatkuasakan undang-undang.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan tadi, saya ingin mendapat tahu dari Setiausaha Parlimen yang berkenaan di mana beliau maklum beberapa kes ada ditangkap, adakah kebanyakan kes ini di bandar besar sahaja atau kes orang kena tangkap itu ada di luar bandar juga oleh kerana

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu!

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan kes-kes yang ditangkap itu ialah di bandar-bandar besar seperti di Wilayah Persekutuan, Ipoh, Pulau Pinang.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa jualan murah ini telah melibatkan penjualan barang-barang yang tidak bermutu, tidak baik dan sebahagiannya langsung tidak boleh digunakan. Tetapi sebagai satu cara untuk melakukan atau menjual barang-barang yang tidak baik, maka apakah tindakan Kementerian terhadap sikap atau terhadap kejadian menggunakan jual murah dalam keadaan yang seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan itu sudah ada diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, ada hendak tambah lagi?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dalam Undang-undang Akta Perihal Dagangan 1972, ada dua aspek yang agak penting yang harus kita ketahui iaitu pertamanya, ialah mis-statement of prices ataupun salah harga macam harga murah, tetapi tidak semurah yang sebenarnya.

Kedua, ialah mis-description of items, salah mendeskribekan barang-barang itu dari segi kualiti, dari segi saiznya, dari segi tempat pembuatannya. Jadi mana-mana yang berkenaan saya rasa kita ada bidangkuasa yang diberi untuk bertindak demi kepentingan pengguna-pengguna.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, daripada segi kuatkuasa bagaimanakah pihak Kementerian ataupun pihak penguatkuasa tahu bahawa barang itu betul-betul murah ataupun tidak kerana banyak daripada barang-barang yang disenaraikan sebagai jual murah ini adalah barang-barang yang tidak termasuk di dalam barang-barang kawalan dan setakat yang saya tahu hanya barang-barang kawalan sahaja yang ditetapkan harganya.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, jualan murah ini tidak semestinya terikat kepada barang-barang kawalan yang dijual dalam pasaran terbuka. Barang-barang biasapun sekiranya melakukan mis-statement of prices ini akan juga diambil tindakan, kita boleh mengetahui misalnya yang biasa dilakukan ialah apabila kita masuk ke dalam Emporium atau kedai-kedai, dia meletakkan dua harga, misalnya \$15 dan \$10, \$15 itu dipotongnya tinggal \$10 seolah-olah harga barang itu telah diturunkan daripada \$15 ke \$10. Tetapi apabila pegawai menyiasat daripada dokumen-dokumen penjualan yang lebih awal daripada itu tidak ada yang membuktikan bahawa barang ini pernah dijual pada harga \$15. Ini adalah satu kesalahan di bawah Undang-undang yang sedang dijalankan pada masa sekarang.

CUKAI IMPORT KE ATAS BARANG PETROLEUM

2. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kenaikan harga petrol telah mengakibatkan kenaikan harga barang-barang keperluan harian. Kenaikan harga akan menekankan lagi rakyat kita, khususnya yang berpendapatan rendah. Nyatakan sama ada Menteri berkenaan setuju untuk mengatasi kerumitan ini dengan cara membatalkan Cukai Import ke atas petrol dan barang-barang yang sebagainya, memandangkan negara kita sedang mendapat hasil yang memuaskan dari mengeksport petroleum.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan kepada

Yang Berhormat iaitu Kerajaan sudahpun memberi subsidi ke atas barang-barang petroleum, terutamanya minyak diesel dan minyak tanah untuk mengurangkan serta meringankan beban yang ditanggung secara tidak langsung oleh pengguna-pengguna khususnya daripada golongan berpendapatan rendah disebabkan oleh kenaikan harga minyak. Kerajaan tidak dapat mengurangkan cukai import oleh kerana bantuan serta pertolongan sewajarnya kepada pengguna-pengguna telah diberikan secara subsidi.

Sungguhpun kedudukan kewangan Kerajaan pada masa ini adalah memuaskan dan ditambah lagi dengan hasil daripada minyak, Ahli Yang Berhormat tentu bersetuju iaitu pendapatan daripada minyak ini tidak akan kekal oleh sebab bahan ini semakin hari semakin berkurangan.

Perlulah juga ditegaskan bahawa harga barang-barang petroleum di negara kita ini adalah merupakan di antara yang terendah di rantau ini. Oleh kerana keadaan-keadaan pembekalan minyak antarabangsa yang sama sekali di luar kawalan Kerajaan, maka rakyat haruslah dapat menyesuaikan dengan keadaan harga minyak pada masa ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah dengan membatalkan cukai import petrol ini boleh mengurangkan harga barang dan mengatasi masalah kenaikan harga-harga barang yang lain.

Saya ingin tahu negara manakah yang telah membatalkan cukai import petrol ini yang dapat menyelesaikan masalah dalam kenaikan harga barang.

Dato' Shahrir bini Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, bagi Kerajaan Barisan Nasional, kepentingan yang perlu diawasi ialah kepentingan golongan yang berpendapatan rendah, oleh sebab itulah maka subsidi telah dikeluarkan kepada bahan-bahan minyak tanah dan juga minyak disel oleh kerana kedua-dua bahan ini digunakan lebih luas oleh golongan berpendapatan rendah. Kedua-dua bahan ini mempunyai kesan yang amat besar kepada keadaan harga barang-barang yang mustahak dan perlu dalam negara ini.

Dalam soal asal yang telah ditimbulkan ialah pertanyaan tentang sama ada cukai import dikenakan kepada minyak petrol dan barang-barang yang sebagainya. Pada pandangan Kerajaan, cukai petrol yang telahpun dikurangkan tidak patut dihapuskan sama sekali oleh kerana kita perlu mengambilkira bahawa menjadi kepentingan negara juga untuk menggalakkan pengurangan penggunaan bahan minyak terutamanya minyak petrol yang premium dan regular oleh kerana inilah satu-satu perkara yang perlu dikurangkan memandangkan keadaan bekalan minyak tidak akan bertambah dan harga minyak mentah tidak akan berkurangan memandangkan keadaan di peringkat antarabangsa.

Bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu, saya tidaklah dapat memberi contoh negara-negara mana yang telah mengurangkan cukai import, tetapi sekiranya dibandingkan kadar harga barang-barang minyak di negara-negara ASEAN, walaupun umpamanya Malaysia dengan Singapura mempunyai harga yang agak sama yang tidak jauh bezanya di antara premium dan regular petrol, tetapi kalau dilihat daripada harga minyak disel dan minyak tanah di Malaysia harga segelen ialah sebanyak \$1.80, di Singapura ialah sebanyak \$3.84 dan minyak tanah ialah \$1.80 di Malaysia dan \$3.75 di Singapura. Ini menunjukkan bahawa kita menekankan kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi, saya ingin bertanya adakah beliau sedar bahawa negara-negara pengeluar minyak seperti Arab Saudi, di mana harga minyaknya ialah 70 sen segelen itupun harga barang-barang begitu tinggi, contohnya ikan kembung sampai \$10 satu kati, lain-lain barang seperti telur 10 biji sampai \$5.00. Adakah beliau sedar perkara ini dan bukannya negara kita Malaysia ini adalah satu negara yang boleh mengontrolkan inflasi dan inflasinya yang terendah sekali di dalam Tenggara Asia. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu adakah harga pada musim Haji? (*Ketawa*)

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, saya sebenarnya belum pernah pergi ke Timur Tengah, jadi di atas pengalaman daripada Ahli Yang Berhormat itu dan di atas kesudiannya untuk memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan saya harap bahawa tauladan ini akan diikuti dengan mereka yang pernah melawat ke negeri dan mengetahui bahawa keadaan negara kita adalah lebih baik daripada kebanyakan negara-negara lain. (*Tepuk*)

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, selain daripada pemberian subsidi kepada barang-barang yang disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya suka bertanya sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menghapuskan segala cukai-cukai yang menyebabkan inflasi dan menyebabkan kenaikan kos barang-barang keperluan dan sebagai satu contoh sama ada Kerajaan bercadang untuk menghapuskan cukai jualan 5% itu.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

IBU PEJABAT PERJANJIAN GETAH ASLI ANTARABANGSA

3. **Tuan Haji Ampong bin Haji Puyon** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah setakat ini Malaysia dapat mempengaruhi masyarakat antarabangsa supaya Ibu Pejabat Perjanjian Getah Asli Antarabangsa diletakkan di Kuala Lumpur. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan para petani tidak terjejas apabila harga keluaran mereka itu turun.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kuala Lumpur telah dipilih sebagai Ibu Pejabat Perjanjian Getah Asli Antarabangsa dalam Mesyuarat Pertama Majlis Perjanjian tersebut yang telah diadakan di Geneva dari 17hb—21hb November, 1980. Perkembangan ini sangat bermakna kepada Malaysia kerana ia merupakan

pertama kalinya sebuah Ibu Pejabat Perjanjian Barangan Antarabangsa ditempatkan di negara membangun.

Tentang langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan para petani tidak terjejas apabila harga keluaran mereka itu turun, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah memberi jawapan dan penerangan semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat Dr. Chen Man Hin pada 27hb November, 1980 di Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Dr. Hee Tien Lai.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang adalah atas nama Yang Berhormat dari Ulu Muda.

PERUSAHAAN NENAS TIN DI MALAYSIA

4. Tuan Haji Hashim bin Endut (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Malaysia telah jatuh daripada tingkat yang hampir atas sebagai pengeksport nenas ke paras hampir-hampir bawah sekali. Jika sedar apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk meninggikan kedudukan Industri ini.

Tuan Haji Bujang bin Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Malaysia telah jatuh daripada pengeksport nenas yang kedua terbesar di dunia dalam tahun 1970 kepada yang keenam terbesar di dunia dalam tahun 1980. Dari hal ini ingin saya memberi sedikit penjelasan mengenai keadaan pasaran dan masalah yang dihadapi oleh perusahaan nenas tin di Malaysia.

Selepas tahun 1970 pengeluaran buah nenas daripada sektor pekebun kecil nenas telah merosot, kerana banyak kebun nenas yang tidak diusahakan atau telah ditanam dengan tanaman lain seperti getah dan kelapa sawit. Bagi kebun-kebun yang masih diusahakan banyak daripadanya tidak mendapat jagaan yang sempurna. Ini disebabkan kekurangan tenaga buruh, kenaikan harga bahan input

pertanian dan pengangkutan, harga pasaran yang lebih baik bagi getah dan kelapa sawit dan juga pengaruh keadaan pasaran antarabangsa yang amat competitive dan sekatan tarif dan bukan tarif yang diadakan oleh negara-negara mengimport nenas tin.

Perusahaan nenas juga mengalami masalah asasi seperti masalah tanah gambut, yang sebenarnya bukan tanah yang paling baik untuk menanam nenas. Jenis nenas yang digunakan untuk ditinkan di Malaysia ialah Singapura Spanish dan Masmerah, sementara negara-negara lain menggunakan jenis Smooth Cayenne, satu jenis buah nenas yang lebih besar dan memberikan kadar pemulian yang lebih tinggi lagi. Jenis Smooth Cayenne mempunyai masalah tertentu jika ditanam di atas tanah gambut.

Oleh itu Kerajaan sedang berusaha mengambil beberapa langkah yang sesuai melalui Lembaga Perindustrian Nenas Tanah Melayu (LPNTM) seperti berikut:

- (i) semenjak tahun 1972, LPNTM telah melancarkan rancangan tanam semula nenas untuk meninggikan hasil dan mutu pengeluaran kebun kecil nenas dan seterusnya pendapatan dan taraf hidup mereka. Setakat ini, 17,572 ekar telah ditanam semula. Sejak tahun 1978, Kerajaan telah juga melaksanakan tanaman semula pusingan yang kedua selepas enam tahun untuk menjamin hasil dan mutu pengeluaran tidak terjejas. Memandangkan kenaikan harga bahan in put dan alat perkakas pertanian dan juga kos tenaga pekerja, Kerajaan sedang menimbangkan supaya bantuan bagi tanam semula dinaikkan dari \$600 yang ada sekarang kepada \$900 seekar.
- (ii) LPNTM juga menetapkan dari masa ke masa harga buah nenas yang dibayar oleh pekilang-pekilang kepada pekebun kecil adalah mencukupi.
- (iii) Kerajaan melalui LPNTM telah menu-buhkan satu tabung bantuan khas untuk membantu pekebun kecil sekiranya buah nenas mereka mengalami penyakit 'mata dalam'.
- (iv) Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, satu projek tanam baru diadakan di bawah Projek Pembangunan Johor

Barat untuk menambah keluasan kebun nenas. Kerajaan juga telah bersetuju memberi subsidi baja untuk menggalakkan penggunaan baja yang mencukupi oleh pekebun kecil dan dengan yang demikian hasil daripada kebun nenas akan bertambah dari segi jumlah dan juga mutunya.

- (v) Di peringkat antarabangsa, Kerajaan giat berusaha untuk mengurangkan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif yang dihadapi di pasaran luar negeri seperti dalam perbincangan "multilateral trade negotiations" di bawah naungan UNCTAD.

Pada keseluruhannya, LPNTM akan terus bekerja rapat dengan kilang-kilang untuk mengawal mutu yang tinggi dan untuk menggalakkan pemasaran nenas tin di luar negeri.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya di dalam penjelasan sebenar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah berkata terdapat dua jenis nenas yang ditanam. Adakah Kerajaan kita telah mengintroducekan jenis yang disambut dengan baiknya itu ataupun masih kita menanam jenis yang kurang baik itu?

Keduanya, semasa perusahaan ini telah menjadi kurang baik adakah Kerajaan kita mencadangkan supaya nenas yang ditin itu pengimportannya dikurangkan atau diharamkan?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sebenarnya Kerajaan sedang menanam jenis nenas yang telah saya sebutkan iaitu dua jenis nenas yang masih kita gunakan. Setakat ini Kerajaan juga berusaha untuk mencari jalan supaya nenas jenis yang lebih baik itu dapat digunakan tetapi sebagaimana telah saya sebutkan tadi masalah yang dihadapi ialah bahawa kebanyakan nenas yang ditanam di negara kita ini ialah nenas yang boleh tumbuh ataupun ditanam di kawasan tanah gambut yang sebenarnya bukanlah tanah yang sesuai dan sekiranya jenis nenas 'Smooth Cayenne' yang telah saya sebutkan tadi ditanam di tanah jenis ini maka ini akan menimbulkan masalah-masalah yang tertentu.

Mengenai soalan yang kedua, saya minta ulang sekali lagi.

Tuan Au How Cheong: Adakah Kerajaan bercadang supaya nenas dalam tin itu pengimportannya dikurangkan, dihadkan atau diharamkan?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan belum mencadangkan apa-apa.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang ada sekarang ini ialah bahawa negara kita telah jatuh ke nombor enam dalam eksport nenas ini. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah segera yang telah diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama sewaktu keadaan itu merosot? Adakah langkah yang telah diambil itu telah gagal sehingga kedudukan Malaysia sebagai pengimport nombor dua itu terus jatuh kerana. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah 'kerana'—panjang sangat, nanti keliru hendak menjawabnya!

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat memahami bahawa langkah-langkah yang telah saya sebutkan tadi bukan hanya termasuk langkah-langkah jangka panjang tetapi juga langkah-langkah yang boleh dikatakan langkah yang segera, jadi saya tidak ada apa-apa tambahan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Berasaskan paras harga yang terdapat hari ini bagi nenas, padi, getah dan kelapa sawit, apakah kadar pendapatan dari sesuatu ekar jika ditanam dengan nenas dan jika dibandingkan dengan tanaman-tanaman yang lain seperti padi, getah dan kelapa sawit?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, ini memerlukan angka-angka yang tertentu, jadi saya perlukan notis.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa kejatuhan Malaysia dalam pasaran nenas dunia adalah satu daripadanya

disebabkan oleh ketidakcekapan Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu terutamanya dari segi pengurusan. Jadi apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memperbaiki semula pengurusan dan kecekapan di dalam Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu ini.

Keduanya, apakah langkah-langkah lanjut yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi menstabilkan harga nenas di pasaran tempatan dan juga memberikan kemudahan supaya pasaran nenas itu dapat diperluaskan?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah Kementerian saya akan berusaha untuk mencari jalan untuk memperbaiki pengurusan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi ingin saya jelaskan bahawa di peringkat antarabangsa Kerajaan kita giat berusaha untuk mengurangkan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif yang sebenarnya dihadapi di pasaran luar negeri seperti dalam perbincangan multi-trade negotiations di bawah naungan UNCTAD. Misalnya, kita masih menghadapi tarif yang tinggi di pasaran EEC sebanyak 24% walaupun sekim GSP memperuntukkan quota import yang terhad dengan tarif yang kurang tinggi.

Adalah diperhatikan pengeksport-engeksport nenas dari negara-negara Afrika, Caribbean dan Pacific yang ada hubungan yang tertentu dengan EEC tidak dikenakan sebarang tarif. Di pasaran Jepun, kita masih berusaha untuk mendapat persetujuan Kerajaan Jepun untuk membanyakkan quota importnya walaupun Kerajaan Jepun baru memersetujui kekurangan tarif import nenas, di pasaran Amerika Syarikat juga kita sedang berusaha mendapatkan persetujuan Kerajaan Amerika Syarikat untuk melonggarkan peraturan-peraturannya supaya cubes dan spiral slices kita boleh dapat memasuki pasarannya. Kita berharap Kerajaan Amerika Syarikat akan bersetuju untuk membenarkan kemasukan cubes sekurang-kurangnya.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna bahawa seperti Yang Berhormat sedia maklum bukanlah masalah pengurusan yang sebenarnya menyebabkan eksport nenas kita adalah berkurangan tetapi juga adalah disebabkan keadaan di luar negeri.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di Semenanjung Malaysia, Johor adalah terkenal dengan pengeluaran nenas tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengakui merosotnya hasil nenas sebab kurang pengendalian yang baik daripada petani. Ini disebabkan petani biasanya terpaksa menjual ke kilang dan sebagainya. Soalan saya, ada satu kilang yang sudah lama ditutup di Pulau Sebatang, jadi apakah usaha-usaha telah diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama dengan Kementerian Perusahaan Awam bagaimana hendak menghidupkan balik kilang itu supaya hasil petani dapat disalurkan ke kilang.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kementerian saya akan berusaha ke arah ini.

KURIKULUM MURID-MURID SEKOLAH RENDAH

5. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa murid-murid sekolah rendah terlalu banyak dibebankan dengan mata-mata pelajaran dan adakah beliau bercadang hendak mengkaji semula kurikulumnya dengan tujuan merengangkan beban murid-murid tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar akan keadaan yang ada di sekolah-sekolah rendah seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan perkara ini adalah dalam perhatian Kementerian Pelajaran sepertimana yang disarankan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran Perakuan No. 2 dan Perakuan No. 55. Buat masa ini Kementerian Pelajaran melalui bahagian Pusat Perkembangan Kurikulum sedang menyusun semula kurikulum sekolah rendah berdasarkan perakuan-perakuan yang dibuat dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Dasar Pelajaran, dan sepertimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam akhbar-akhbar tempatan pada 9-12-1980.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar

tentang beberapa resolusi yang sedang dibuat oleh Seminar Pendidikan yang sedang berjalan sekarang ini yang mana menyarankan supaya Kerajaan melaksanakan dengan segera kurikulum 3R ini bukan menunggu tahun 1983 tetapi dimulakan mulai tahun 1981. Apakah sikap Kerajaan tentang cadangan ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun saya jelaskan dalam Dewan yang mulia ini pada 9-12-80 baru-baru ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawabannya tadi ada mengatakan bahawa kurikulum baru bagi sekolah-sekolah rendah sedang disusun semula. Saya ingin tahu bilakah selesai penyusunan semula ini dan bilakah akan dilaksanakan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian akhir cuba ulang sekali lagi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya hendak tahu bila agaknya selesai proses mengkaji perkara ini dan bila agaknya boleh dilaksanakan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun saya jelaskan dua hari yang lalu iaitu secepat-cepatnya kita dapat menyelesaikan proses dan sebagainya pada akhir tahun 1982. Jadi mulai tahun 1983 kita boleh dapat melancar dan menjalankan sistem baru ini.

ELEKTRIK KE SELURUH NEGARA

6. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan menyatakan apakah Kementerian beliau mempunyai tujuan supaya seluruh negara mendapat bekalan elektrik. Kalau ya, berikan angka anggaran tahun-tahun apabila matlamat tersebut akan dicapai, bagi tiap-tiap negeri di Malaysia. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa selaras dengan dasar pembangunan Kerajaan, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membekalkan elektrik ke seluruh negara. Walau bagaimanapun usaha ini akan mengambil masa dan sukarlah untuk menyatakan tarikh yang tepat matlamat ini akan tercapai kerana ia bergantung kepada kemampuan Kerajaan dari masa ke semasa dan juga kepada perkembangan pembangunan di kawasan-kawasan yang baru yang dibuka di seluruh negara. Namun begitu adalah dijangka bahawa seluruh kawasan-kawasan luar bandar di negeri Perlis, Pulau Pinang, Melaka dan Selangor akan dapat bekalan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kementerian beliau boleh memberi kelonggaran kepada pihak-pihak tertentu yang boleh mengadakan bekalan elektrik sendiri ataupun mengadakan jenerator sendiri seperti di kawasan-kawasan FELDA atau kawasan-kawasan RISDA dan sebagainya. Saya difahamkan bahawa pihak Kementerian Yang Berhormat sekarang agak ketat dalam memberi kebenaran kepada pihak-pihak tertentu seperti ini untuk mengadakan jenerator sendiri.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa setahun dua kebelakangan ini pihak Kementerian dan Jabatan LLN suka menggalakkan mana-mana pihak sahaja untuk mengadakan bekalan mereka sendiri. Tetapi apa yang kami dapat sambutan daripada mereka tidaklah menggalakkan.

PUSAT PENYELIDIKAN ATOM TUN ISMAIL (PUSPATI)

7. Tuan Wong Hoong Keat: minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan untuk Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) yang terletak di Bangi dan sama ada beliau sedar akan projek PUSPATI bukanlah projek yang berfaedah mengikut laporan-laporan dan laporan dari Sahabat

Alam Malaysia yang menyeru supaya menghentikan pelaburan yang selanjutnya dalam projek ini, dan berdasarkan ini, adakah projek ini akan dihentikan dan juga nyatakan sebab-sebabnya projek ini tidak dihentikan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah \$10,209,698.07 sehingga 30hb September, 1980 untuk pembangunan PUSPATI yang sekarang ditempatkan di Bangi, Selangor. Seperti yang ditunjukkan di dalam Kertas Perintah 36 Tahun 1980 Anggaran Belanjaan tahun 1981 di bawah Maksud P. 51 butiran 2 yang baru diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, anggaran harga projek ialah \$47,958,015.

Kerajaan tidak bercadang untuk memberhentikan pelaburan di projek ini yang akan beroperasi penuh pada awal tahun 1982. Saya minta maaf jika jawapan saya kali ini agak panjang sedikit daripada yang biasa.

Tuan Yang di-Pertua: Sesekali tidak apalah! (*Ketawa*)

Tan Sri Ong Kee Hui: Sebab-sebabnya Kerajaan meneruskan projek ini ialah seperti berikut:

- (a) Projek PUSPATI adalah satu projek penyelidikan kebangsaan dan projek ini memberi banyak faedah terutama sekali untuk meninggikan mutu teknik-teknik penyelidikan dan kemajuan teknologi dalam penggunaan tenaga nuklear secara aman. Ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mencapai matlamat-matlamat bagi meninggikan taraf hidup dan sosio-ekonomi rakyat negara ini.
- (b) Di antara faedah-faedah lain ialah Pusat ini akan dapat mengeluarkan bahan-bahan radioisotop dan radiopharmaceutical untuk kegunaan di dalam bidang perubatan, perindustrian dan pertanian. Khususnya bagi bahan-bahan radioisotop yang berhayat pendek yang tidak dapat diimpot untuk kegunaan dalam bidang perubatan yang sangat-sangat diperlukan dalam mengesan dan mengubati beberapa jenis penyakit yang tertentu seperti barah paru-paru.

(c) Selain daripada itu bahan ini dapat digunakan oleh para penyelidik dari pusat-pusat pengajian tinggi dan pusat-pusat penyelidikan tempatan dalam usaha mereka bagi meninggikan mutu dan daya pengeluaran dalam bidang-bidang tertentu seperti pengawetan hasil pertanian, mencuci kuman (sterilisation), alat-alat perubatan dan penyelidikan untuk mendapatkan jenis tanaman yang bermutu baik dengan menggunakan mutasi sinaran (radiation mutation).

(d) Dengan adanya reaktor penyelidikan PUSPATI, beberapa rancangan latihan tenaga manusia yang sangat diperlukan di negara ini dapat dijalankan dalam bidang sains nuklear, kejuruteraan nuklear, fizik keselamatan dan perubatan nuklear beberapa bidang yang memerlukan penggunaan teknik nuklear dalam negara ini sendiri.

(e) PUSPATI juga akan menjadi satu pusat mengkoordinasi penggunaan teknik-teknik nuklear dalam semua bidang.

(f) Ia juga akan memainkan peranan dengan penting untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja dalam bidang sinaran termasuk dalam sektor awam serta sektor swasta. Pada masa sekarang beberapa jabatan Kerajaan, industri dan institusi pengajian tinggi sudah pun menggunakan banyak bahan-bahan radioaktif dan alat-alat nuklear. Kesedaran terhadap keselamatan pekerja-pekerja dan orang awam apabila menggunakan bahan-bahan tersebut sangatlah penting. Dengan adanya PUSPATI, Latihan dalam bidang keselamatan dan aturcara (procedure) bekerja menggunakan bahan-bahan tersebut akan dapat dilaksanakan dengan intensif dan meluas. Adalah tidak praktik untuk melatih pekerja-pekerja itu di luar negeri kerana bilangan mereka yang terlibat adalah ramai.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa Pusat Tenaga Atom Tun Ismail (PUSPATI) ini hanya bertujuan digunakan tenaga nuklear

secara aman sahaja. Seperti yang kita tahu, negara kita ini sentiasa terancam daripada luar, daripada utara, daripada kuasa-kuasa besar dan sebagainya. Jadi kita memerlukan pada suatu masa nanti bom nuklear. Adakah alat-alat kelengkapan yang ada di PUSPATI ini mampu pada satu masa kelak untuk mengeluarkan bom-bom nuklear yang kita akan kehendaki pada suatu masa? Dan yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua. . .

Tuan Yang di-Pertua: Satu cukuplah, nanti banyak sangat "bom" dia. (*Ketawa*)

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya reaktor yang akan dilengkapkan itu hanya 1 Megawatt sahaja. Jadi tidak mampulah kita buat apa-apa bahan untuk digunakan membuat bom atom.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi kemampuan pada PUSPATI ini dari semasa kesemasa sehingga boleh mengeluarkan bom atom juga untuk keamanan, bukan peperangan. Kalau kita ada bom atom itu orang takut sedikit hendak langgar kita.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, ini akan dikaji dari semasa kesemasa tetapi setakat ini kita belum lagi bercadang untuk berbuat demikian.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, adalah diketahui setengah-setengah orang telah melahirkan kebimbangan mereka bahawa pusat ini tidak begitu selamat kerana dischargenya adalah radioactive. Dapatkah Yang Berhormat Menteri memberi satu keterangan di sini bahawa pusat ini adalah selamat dan tidak membahayakan nyawa dan sebagainya?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri maklumat kepada Ahli Yang Berhormat dan meneruskannya kepada orang awam iaitu keselamatan dalam PUSPATI ini akan terkawal. Jadi tidaklah seperti apa yang disiarkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab mengatakan PUSPATI ini akan mengancam keselamatan orang awam.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya perkembangan PUSPATI telah diragui oleh pihak pembangkang terutama DAP dengan melemparkan tuduhan projek yang tidak berfaedah. Soalan saya, sama ada Yang Berhormat Menteri akan menambah peruntukkan yang ada? Dan yang kedua, adakah dikendalikan oleh pakar-pakar tempatan atau ada pakar-pakar luar yang berkhidmat di situ

Tan Sri Ong Kee Hui: Untuk menjawab soalan yang pertama, bekalan yang dikemukakan oleh Kementerian saya telah disetujui oleh Kerajaan dan juga disokong oleh Dewan yang mulia ini dan jikalau perlu Kementerian saya akan minta lagi.

Bahagian kedua, berkenaan dengan pakar-pakar yang perlu, ini kita dapat bantuan yang banyak daripada pihak IAEA iaitu badan antarabangsa yang bertugas untuk menjaga keselamatan kegunaan bahan nuklear dan juga kita sentiasa menghubungi dengan badan antarabangsa ini supaya pakar-pakar dari negeri kita dapat latihan di luar negeri.

HARGA MINYAK

8. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, bersabit dengan kenyataan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sewaktu mengumumkan kenaikan harga minyak baru-baru ini bahawa Syarikat-syarikat minyak telah mengalami kerugian berjuta-juta ringgit yang mana kerugian itu diberi pertimbangan dalam keputusan Kerajaan menaikkan harga barang tersebut, adakah kerugian syarikat-syarikat itu merupakan susutan keuntungan atas susutan modal. Justru telah diketahui dalam amalan pengurusan syarikat-syarikat besar dan sistem pengurusan barat umumnya, kekurangan dalam kadar keuntungan juga dikira sebagai mengalami kerugian. Jika kerugian yang dikatakan itu merupakan susutan keuntungan sahaja dan bukan susutan modal, tidaklah kerajaan wajar menggesa syarikat-syarikat tersebut mengorbankan sebahagian daripada keuntungan tersebut untuk kepentingan orang ramai, sekurang-kurangnya untuk jangka masa yang tertentu.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian ketika beliau menjawab soalan tambahan Ahli Yang Berhormat yang sama dengan soalan yang telahpun dinyatakan pada 16hb Oktober, 1980. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberi.

PEJABAT PERTANIAN CAWANGAN-CAWANGAN DI SARAWAK

9. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada terdapat sebarang kemungkinan mengadakan substesen pertanian di kawasan-kawasan strategik di pendalam-pendalaman Sarawak, terutamanya di Bahagian ke 7 supaya dapat mengwangkan perbelanjaan yang dialami oleh petani-petani apabila mereka datang ke pejabat Daerah atau pejabat Pertanian Bahagian di mana kedudukannya jauh dari rumah mereka.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sarawak sedang meneliti untuk menubuhkan beberapa cawangan Pejabat-pejabat Pertanian di beberapa tempat yang strategik di kawasan luar bandar di semua bahagian di negeri Sarawak. Di Bahagian Ketujuh, Sarawak dua cawangan Pejabat Pertanian telah ditubuhkan pada tahun ini iaitu sebuah di Nanga Bangkit, sebuah di Nanga Melinau dan terdapat cadangan untuk menubuhkan dua lagi cawangan di Nanga Merirai di daerah Kapit dan Nanga Linau di daerah Belaga.

Pada tahun 1980 sebanyak tiga buah cawangan telah ditubuhkan di Bahagian Pertama, Tebeduk; Bahagian Kedua, Nanga Kesit; dan Bahagian Ketiga, Nanga Tamin dan dijangka pada tahun 1981 dan 1982 sebanyak lima buah cawangan lagi akan ditubuhkan iaitu di Bahagian Kedua, Nanga Sepat; Bahagian Ketiga, Nanga Tepus; Bahagian Keempat, Long Luyan; Bahagian Kelima Long Sukang; dan Bahagian Keenam, Nanga Wak.

Adalah diharapkan daripada rancangan-rancangan tersebut akan dapat mengurangkan perbelanjaan yang dialami oleh petani-petani apabila mereka datang ke Pejabat Daerah atau Pejabat Pertanian Bahagian di mana kedudukannya jauh dari rumah mereka.

BAITUMUQADDIS

10. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah diplomatik yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi menyelamatkan Baitumuqaddis daripada menjadi Ibu Negara Israel dalam usaha menyokong negara-negara Arab dan rakyat Palestine.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan seakan-akan soalan ini di Dewan yang mulia ini pada 25hb November, 1980 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Parit dan pada 27hb November, 1980 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kangsar.

Saya tidak berniat untuk membuat apa-apa tambahan.

JALAN-JALAN DI KEM GOBE, KEDAH

11. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau bercadang membaiki jalan-jalan untuk kemudahan perjalanan anggota dan kenderaan tentera di Kem Gobe, Kedah. Adakah jalan-jalan ini akan dibubuh tar dan adakah bangunan-bangunan yang sedia ada akan diubahsuaikan supaya menaikkan moral askar-askar kita; jika tidak, mengapakah perkara ini dibiarkan berlaku.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kem Gobe dan juga kem-kem lain di kawasan perbatasan merupakan Kem Jawatankuasa Perancang Gerakan (Operational Planning Committee) iaitu kem-kem sementara yang dibina untuk keperluan gerakan. Walaupun kem-kem ini

merupakan bangunan sementara, namun demikian Kerajaan sentiasa berusaha untuk memberi keselesaan kepada anggota-anggota tenteranya yang menjalankan tugas di kawasan ini.

Jalan-jalan yang dimaksudkan itu adalah jalan-jalan di dalam kawasan kem dan tidak termasuk dalam rancangan untuk ditarkan kerana jalan-jalan tersebut adalah jalan-jalan sementara untuk perhubungan dalam kem sahaja dan ianya tidak sepatutnya menjadi kerumitan kepada pihak tentera; sungguhpun begitu jalan di kem-kem seumpama ini sentiasa dibaiki dari masa ke semasa jika keadaan memerlukan.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada mengatakan satu Jawatankuasa Perancang Gerakan telah ditubuhkan dan apakah rupa bentuk Jawatankuasa itu dan siapakah ahli-ahlinya?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Perancang Gerakan adalah sebuah jawatankuasa yang diwujudkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan bertanggungjawab bagi melaksanakan gerakan-gerakan keselamatan bagi menyelaraskan pemerintahan kawalan dan pengangkutan pasukan keselamatan yang bertugas dalam gerakan keselamatan. Ia juga adalah bertanggungjawab bagi menyelaraskan usaha sekatan perbekalan dan usaha peperangan saraf dan di samping itu bertanggungjawab bagi mengeluarkan perintah dan arahan-arahan yang perlu kepada Panglima-panglima Tentera kita di Wilayah Dua dan Wilayah Tiga dan juga kepada Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri berhubung dengan perkara-perkara gerakan keselamatan.

Ahli-ahli Jawatankuasa itu terdiri daripada Ketua Turus Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara sebagai Pengerusi Bersama; yang lain-lain ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan; Ketua Turus Tentera Darat; Ketua Turus Tentera Laut; Ketua Turus Tentera Udara dan juga Pengarah Keselamatan Dalam

Negeri ataupun Ketenteraman Awam pihak Polis. Urusetianya ialah Majlis Keselamatan Negara.

KAWASAN LOMBONG BIJIH TIMAH

12. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah yang telah diambil bagi menambah kawasan lombong bijih timah yang makin berkurangan di negara sekarang bagi mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar utama di dunia.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar, bukan sahaja tentang berkurangnya kawasan perlombongan, tetapi juga susutan rizab ataupun simpanan bijih timah terutamanya jenis lanar (alluvial) di negara ini.

Beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah ini dan salah satu langkah penting ialah untuk memajukan perusahaan bijih timah jenis telerang (lode). Untuk maksud ini Kementerian saya sekarang sedang menggubal satu garis panduan dasar bagi mengglakkan perusahaan bijih timah jenis tersebut dan adalah diharapkan supaya dengan adanya garis panduan tersebut, perlombongan bijih timah jenis telerang dapat diusahakan, dengan demikian mengurangkan pergantungan kepada timah daripada perusahaan mineral. Garis Panduan yang digubalkan sekarang ini adalah penting kerana perusahaan timah jenis telerang adalah berbeza daripada perusahaan timah jenis lanar dari segi risiko dan cara untuk melombongnya dan ianya juga melibatkan perbelanjaan dan kos yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Kementerian saya dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri, sedang juga di dalam proses menggubal satu Kanun Galian Negara yang apabila siap kelak akan merupakan sebagai satu perundangan perlombongan yang kemaskini dan juga menggambarkan dasar perlombongan negara yang dinamik.

Kementerian saya juga melalui Instituit Penyelidikan Galian sentiasa mengadakan penyelidikan ke arah meningkatkan lagi mutu pengeluaran dan mempelbagaikan cara-cara

untuk "recovery" timah daripada kawasan-kawasan yang telahpun dilombong beberapa kali, di samping menambahkan lagi hasil-hasil sampingan.

Kementerian saya juga, melalui Jabatan Penyiasatan Kajibumi sedang giat menjalankan kerja-kerja penyiasatan untuk menentukan kedapatan lain-lain mineral dalam negara kita. Di bawah projek Central Belt yang meliputi sebahagian dari kawasan Kelantan dan Pahang, Jabatan tersebut sedang menjalankan kerja-kerja eksplorasi untuk menentukan kedapatan mineral-mineral tersebut dan butir-butir mengenai hasil penyiasatan yang dijalankan itu dilaporkan dari masa ke semasa dalam Laporan Tahunan Penyiasatan Kajibumi.

Walau bagaimanapun, suka saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa segala rancangan yang saya sebutkan di atas, sebahagian besar kejayaannya adalah bergantung kepada kesediaan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menambah keluasan tanah yang diperuntukkan kepada perlombongan. Ini adalah memandangkan yang tiap-tiap Kerajaan Negeri mempunyai rancangan pembangunan tanahnya yang tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 13.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Parit.

BUKU/RISALAH KEPADA PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI

13. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kementerian ini ada menyebarkan risalah-risalah agama yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri kepada rakyat kita yang beragama Islam di luar negeri terutama penuntut-penuntut di luar negeri.

Menteri Luar Negeri Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri memanglah ada menyebarkan buku-buku dan risalah-risalah agama yang dikeluarkan oleh:

Penerbitan-penerbitan Islam (Pusat Islam, JPM)

- (1) Prophet Muhammad (English)
- (2) Islamic Education (English)
- (3) Al Yakin
- (4) Al Risallah
- (5) Konsep Dakwah
- (6) Konsep Ibadat
- (7) memperingati Israk Mikraj
- (8) Ibu-bapa menurut pandangan Islam
- (9) Islam di Madinah
- (10) Makanan dalam Islam
- (11) Neraca

Penerbitan-penerbitan PERKIM

- (1) Come closer to Allah
- (2) Questions & Answers on Islam I & II
- (3) What is the religion of Islam
- (4) Why Muslims abstain from pork
- (5) What is Islam
- (6) The Prophet Muhammad by International Thinkers
- (7) Islamic Pilgrimage
- (8) Fasting
- (9) Guide of Islam
- (10) How I become a Muslim.

Jabatan Perdana Menteri serta Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) kepada rakyat kita yang beragama Islam di luar negeri terutama penuntut-penuntut di seberang laut. Pengiriman penerbitan-penerbitan agama ke luar negeri dibuat dari masa ke semasa dan juga apabila Kementerian Luar Negeri menerima permohonan-permohonan daripada perwakilan-perwakilan kita di seberang laut.

Selain dari itu juga, Kementerian ini turut mengiriskan dua buah majalah Islam bulanan keluaran *Utusan Melayu*, iaitu. Al Islam dan Al Kiblat kepada kesemua perwakilan-perwakilan diplomatik kita di luar negeri.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri adakah pihak Kementerian Luar Negeri ini mempunyai bahan-bahan penerbitan sendiri di dalam risalah agama dan juga risalah penerangan hal-hal negara kita di luar negeri.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada mengeluarkan risalah-risalah agama sendiri, hanya kita mengeluarkan sepertimana saya sebutkan tadi risalah-risalah daripada Jabatan-jabatan Agama dan juga PERKIM, juga di mana-mana jikalau ada permohonan satu-satu risalah yang dipohonkan oleh pihak yang berkenaan di luar negeri (seberang laut) kita akan sedia memberikan kerjasama untuk menghulur dan mengirimkan risalah-risalah ini.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Mulia Tengku menerangkan ada Jabatan Perdana Menteri mengirimkan buku-buku agama. Soalan saya penuntut kita di luar negeri adalah bebas membaca buku-buku, jadi apakah langkah telah dibuat oleh pihak Kementerian Luar Negeri terhadap memberikan bimbingan dan nasihat kepada pelajar kita jenis-jenis buku agama yang sepatutnya tidak boleh dibaca oleh umat Islam, seperti "Muhammad of Qadiani" dan lain-lain.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Luar Negeri ialah memberikan apa sahaja kerjasama kerana dari segi fahaman yang sebenar itu saya rasa jikalau ada terpesongnya ataupun penuntut-penuntut kita yang dipengaruhi oleh ajaran-ajaran yang tak baik ataupun ajaran-ajaran agama songsang, kita hanya dapat memberikan penjelasan jikalau kita kita nampak ataupun dapat kesan ajaran-ajaran ini kita sedia memberikan penerangan-penerangan ini melalui pihak yang mahir dari segi agama untuk memulih jikalau adanya kesan-kesan penuntut kita terpesong dalam segi agama ini.

PEMEGANG KAD PENGENALAN MERAH KEPADA BIRU

14. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pemegang kad pengenalan biru yang telah memohon kad pengenalan biru di negeri Sabah dari 1-1-1970 hingga 31-12-1979 dengan memberi pecahan angka mengikut keturunan iaitu China, Indonesia, Filipina dan lain-lain dan nyatakan jumlah bilangan pemohon-pemohon yang berjaya mengikut bangsa.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Speaker, ada terdapat sedikit kesilapan dalam soalan ini iaitu pemegang kad pengenalan "merah", bukan "biru" sebagaimana yang tercatat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan dalam Bahasa Melayu?

Tuan Fung Ket Wing: Ya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pemegang kad pengenalan merah yang memohon penukaran ke kad pengenalan biru di Sabah dari tarikh 1hb Januari, 1975 hingga 31hb Disember, 1979 ialah sebanyak 2,414 orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,060 permohonan telah diluluskan. Tidak ada kad pengenalan merah ditukar ke biru sebelum 1hb Januari, 1975. Adalah menjadi dasar Kementerian tidak menyimpan rekod bagi pecahan angka mengikut keturunan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 15.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

UNIVERSITI BARU

15. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa beribu-ribu pelajar bukan bumiputera yang berkelayakan tidak

mendapat tempat hak mereka di dalam Universiti, apakah Menteri akan menimbang-kan untuk menubuhkan sebuah Universiti yang keenam.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum mempunyai rancangan untuk membina sebuah lagi universiti. Kerajaan memang sedar bahawa terdapat ramai pelajar-pelajar yang berkelayakan tidak berjaya mendapat tempat di universiti-universiti tempatan. Keadaan ini adalah disebabkan Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun tidak mampu menyediakan tempat bagi semua pelajar-pelajar yang layak dan mahu melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti tempatan. Dalam pada ini, Kerajaan telahpun merancang untuk membesarkan universiti-universiti tempatan sehingga mencapai jumlah pelajar-pelajar antara 8,000 hingga 10,000 pelajar bagi tiap-tiap universiti. Setakat ini hanya Universiti Malaya sahaja yang sudah mencapai jumlah lebih 8,000 pelajar. Bagi universiti-universiti yang lain, mereka adalah masih dalam peringkat pembangunan lagi dan belum sampai kepada matlamat 8,000 hingga 10,000 pelajar.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 dan 17 adalah diberi di bawah ini).

PEGAWAI PERUBATAN NEGERI KEDAH

16. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kesihatan menyatakan akibat perluasan perkhidmatan perubatan di dalam Negeri Kedah, Perkhidmatan Perubatan Negeri Kedah amatlah kekurangan Pegawai-pegawai Perubatan untuk menyelia atau melayani pesakit-pesakit; bilakah beliau akan mengambil langkah-langkah dengan segera bagi memperbetulkan keadaan ini supaya rakyat tiada payah mengalami penderitaan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Pada masa ini Negeri Kedah mempunyai 145 jawatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan & Kesihatan, yang mana 90 jawatan telahpun diisi yang memberi peratusan pengisian sebanyak 62%. Angka

ini mencerminkan peratusan purata jawatan-jawatan yang diisi di negeri-negeri. Di samping itu terdapat 8 orang Pegawai Perubatan yang menjalankan kerja-kerja pentadbiran perubatan, 3 orang pakar, 4 orang Pendaftar dan 13 orang Doktor Siswazah. Oleh itu ada sejumlah 118 orang Pegawai Perubatan yang berkhidmat di Kedah sekarang. Kementerian Kesihatan senantiasa berusaha mengisi kekosongan di tiap-tiap negeri dan yayasan dengan cara samarata dan sepadan dengan jumlah Pegawai Perubatan yang ada.

RANCANGAN GERAKTANI— KEJAYAAN

17. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Pertanian menyatakan setakat mana rancangan GERAKTANI telah berjaya semenjak ia dilancarkan dalam bulan November, 1979.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Suka-cita saya memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah saya beri pada 18hb November, 1980.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA-SURUHANJAYA PERKHIDMATAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENILAI DAN PENTAKSIR

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (10hb Disember, 1980).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan masih membahaskan Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir 1980 di bawah Kertas Dewan Rakyat No. 38/80 dan sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar untuk menyambung ucapannya pada hari semalam.

Perbahasan disambung semula.

3.37 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, menyentuh tentang pendaftaran penilai-penilai dan pentaksir-pentaksir dan pengeluaran suatu kuasa untuk menjalankan amalan, saya ingin menitikberatkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas keperluan memastikan bahawa Rang Undang-undang ini apabila diluluskan kelak akan benar-benar melindungi kepentingan-kepentingan penilai-penilai dan pentaksir-pentaksir tempatan.

Rang Undang-undang ini mestilah tidak menimbulkan sesuatu situasi di mana penilai-penilai dan pentaksir yang bukan warganegara Malaysia boleh mengambil kesempatan dari setiap kekurangan dalam Rang Undang-undang ini dengan tujuan memperkukuhkan kehadiran mereka di sini yang tentunya mengancam penghidupan para penilai dan pentaksir tempatan kita. Sebagaimana peribahasa berbunyi: kebajikan bermula di rumah (charity begins at home) adalah penting bahawa perlaksanaan Rang Undang-undang ini mestilah yang pertama sekali menolong para penilai dan pentaksir tempatan kita mencari penghidupan. Dalam hubungan ini keutamaan mestilah diberikan

kepada mereka dalam perkara-perkara berhubung dengan pendaftaran mereka dan pengeluaran suatu kuasa untuk menjalankan amalan.

Selepas meneliti Rang Undang-undang ini, terutamanya berkaitan Fasal 17 (1) berhubung dengan syarat-syarat pendaftaran penilai-penilai dan pentaksir-pentaksir, nampaknya tidak ada ditulis langsung dalam Rang Undang-undang ini yang boleh memastikan bahawa kepentingan-kepentingan dan hak-hak para penilai dan pentaksir-pentaksir tempatan kita adalah dilindungi secukupnya. Contohnya, antara kelima-lima syarat yang tertera di bawah fasal 17 (1) tidak ada tertulis bahawa tiap-tiap orang yang berhak menuntut supaya namanya dimasukkan ke dalam daftar setelah membuat permohonan kepada Lembaga hendaklah seorang warganegara Malaysia. Saya berpendapat bahawa ini hendaklah menjadi kelayakan pertama, kalau tidak, di bawah peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang sekarang sesiapa sahaja termasuk orang yang bukan warganegara Malaysia boleh juga memohon dan dipertimbangkan untuk pendaftaran sebagai seorang penilai dan pentaksir. Saya suka mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya mengkaji sebaliknya cadangan saya untuk memasukkan tambahan status warganegara Malaysia ke dalam senarai syarat-syarat yang terkandung dalam Fasal 17 (1). Dengan mengemukakan cadangan ini, Tuan Speaker, saya sebenarnya menukarkan perasaan dan pandangan para penilai dan pentaksir tempatan yang akan turut terlibat apabila Rang Undang-undang ini berkuatkuasa nanti.

Kita mempunyai penilai-penilai dan pentaksir-pentaksir yang cukup yang boleh memenuhi keperluan negara dan oleh itu segala kepentingan mereka mestilah terlebih dahulu diambil berat. Jika orang-orang asing dibenarkan mengambil kesempatan daripada apa juga kekurangan dari Rang Undang-undang ini dan memperkukuhkan kehadiran mereka di sini, ini tentunya boleh mengancam kehidupan para penilai dan pentaksir tempatan kita. Saya berharap cadangan saya ini akan menerima pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Jika ada dicatitkan dalam Fasal 9 (3) Rang Undang-undang ini bahawa penilai-penilai berdaftar yang mempunyai sekurang-kurangnya 6 tahun pengalaman professional yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri untuk berkhidmat ke dalam Lembaga Penilai dan Pentaksir hendaklah warganegara dan menjalankan amalan profession mereka dalam Malayia, saya tidak nampak sebab kenapa syarat yang sedemikian tidak boleh digunakan kepada Fasal 17 (1) berhubung Pendaftaran Penilai-penilai dan Pentaksir-pentaksir. Izinkan saya menyatakan di sini bahawa saya tidak membantah para penilai dan pentaksir berdaftar yang bukan warganegara yang menjalankan amalan profession mereka di negara ini, tetapi apa yang saya sangat mengambil perhatian berat ialah mengenai masa depan iaitu selepas Rang Undang-undang ini berkuatkuasa dan kenapa para penilai dan pentaksir kita perlu dipelihara.

Tuan Speaker, Rang Undang-undang ini juga membuat peruntukan mengenai perantikan seorang Ketua Pengarah Penilai dan Perkhidmatan Harta bagi pentadbiran undang-undang beserta dengan penetapan fungsi-fungsi dan kewajipan-kewajipannya dan juga beliau diberikan kuasa-kuasa untuk memasuki tanah, bangunan dan melihat dokumen termasuk haknya menghendaki dikemukakan kepadanya maklumat berkaitan yang perlu untuk kerjanya.

Memandangkan kepada kuasa-kuasa luas yang diamanahkan kepada Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, saya berharap bahawa kuasa-kuasa yang diamanahnya itu hendaklah dilaksanakan dengan amat berhati-hati demi kepentingan para penilai dan pentaksir serta keadilan undang-undang Menteri yang berkenaan hendaklah sentiasa mengamati bahawa kuasa-kuasa Ketua Pengarah tidak akan disalahgunakan.

Pada akhirnya, Tuan Speaker, oleh kerana Rang Undang-undang ini berkait rapat dengan tanah dan bangunan, saya ingin mengambil kesempatan ini menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada kegiatan-kegiatan setengah-setengah wakil harta (estate agents) yang tidak bertanggungjawab di negara ini, wakil-wakil harta yang tidak bertanggungjawab inilah

yang telah mempengaruhi kepada kenaikan harga-harga tanah dan bangunan di negara ini.

Saya tidak berfikir bahawa wakil-wakil harta terletak di bawah bidang kuasa Rang Undang-undang ini dan memandangkan ini saya ingin mencadangkan kepada Kementerian bahawa Kementerian hendaklah menimbang memperkenalkan satu Rang Undang-undang yang boleh mengawal dan membuat peraturan kegiatan-kegiatan wakil-wakil harta dalam negara ini dengan tujuan untuk melindungi kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

3.44 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Kementerian yang berkenaan dan saya berpendapat undang-undang ini amatlah tepat pada masanya ia dikemukakan dan saya berpendapat bukan setakat itu, bahkan kalaulah dikemukakan lebih awal ini adalah bersesuaian dan amatlah baik.

Saya katakan demikian kerana cara pentaksir ini ialah berhubung dengan wang, wang ini dipungut oleh Kementerian Kewangan. Jadi kalaulah di masa-masa yang lepas Jabatan Ukur yang mengendalikan pentaksir ini tentulah tidak menasabah tetapi dengan datangnya Rang Undang-undang ini, sebagaimana saya katakan tadi sangatlah wajar dan sangatlah kena pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat-sangat di dalam segi Rang Undang-undang ini kerana kita akan mentaksirkan seluruh negara yang termasuk segenap ceruk rantau negeri dalam negara kita. Dengan sebab itu, saya berharap di samping Ketua Pengarah dan pegawai-pegawainya yang akan dilantik oleh Menteri, tetapkanlah Pengerusi sepertimana dibuat oleh LPN, Ketua Pengarah bagi peringkat pusat, kemudian dibuat pengerusi di peringkat negeri dan diberi kuasa penuh kepada pengerusi-pengerusi di negeri yang berkenaan untuk menilaikan taksiran-taksiran yang akan dibuat pejabat berkenaan.

Saya katakan begitu sebab saya bimbang kadang-kadang satu perkara itu menjadi lambat kalaulah satu-satu perkara itu hendak dirujuk kepada pihak pusat semata-mata. Kuasa penuh hendaklah diberi kepada pegawai ataupun pengerusi yang dilantik oleh Pengarah mengikut pegawai yang dicontoh sama ada pegawai atau pengerusi yang saya harap sangat-sangat biarlah berkuasa penuh kecuali kalaulah seseorang pegawai yang tidak dapat dielak yang mesti ditaksir oleh pusat.

Saya katakan begitu, sebagaimana saya katakan tadi kalaulah semua kuasa itu hendak dirujuk kepada pusat tentulah perkara ini memakan masa yang lama, sebagaimana berlaku dalam satengah-setengah Jabatan, Kementerian ataupun badan-badan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini mempercepatkan lagi pentaksiran khasnya kepada tanah-tanah dan sebagainya yang mana sekarang ini kadang-kadang memakan masa yang begitu lama kerana sekeping tanah ataupun tanah-tanah sebagaimana kita tahu tidak bertambah, tetapi tanah-tanah itulah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk membangunkan segala apa yang akan dibuat sama ada pembangunan jalan dan sebagainya. Maka entah apa yang diambil tidak akan ditaksir untuk dibayar barangkali kalaulah tanah itu terpaksa diberi misalnya kepada tuan tanah, nombor geran dan sebagainya. Jadi kadang-kadang satu-satu rancangan itu terpaksa tergendala. Kalaulah satu rancangan yang akan dibuat pada tahun 1980 misalnya, kadang-kadang tergendala disebabkan cara penyelesaian tanah untuk ditaksir itu terlampau lambat. Saya berharap dengan keadaan pembangunan kita yang pesat, dengan adanya Rang Undang-undang ini akan dapat menjalankan dengan serta-merta dan saya juga berharap pentaksiran itu akan dibuat dengan mengikut harga pasaran sekarang, baikpun yang akan diambil oleh Kerajaan untuk dijadikan satu-satu rancangan, juga mentaksirkan tanah-tanah yang Kerajaan akan mengambil cukai, misalnya hendak dijualbeli, Kerajaan mentaksirkan cukai tanah, hendak mentaksirkan harga tanah kerana akan mengambil cukainya.

Yang peliknya, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang bila Kerajaan akan mengambil sekeping tanah dinilai dengan harga—saya misalnya \$20 ribu. Tetapi kalaulah satu-satu penjualan tanah yang Kerajaan menilai kadang-kadang sampai \$30 ribu lebih kerana akan mengambil nilai cukai yang terpaksa dikenakan kepada penjual dan pembeli tadi dengan harga yang banyak. Apa yang saya maksudkan di sini biarlah yang akan diambil oleh Kerajaan harganya mengikut pasaran yang akan dinilai oleh Kerajaan dan jikalau ada satu jualbeli juga mengikut harga yang sama, mengikut keadilan yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga saya berharap janganlah ada red-tape, ada peraturan yang terlampau banyak, misalnya satu-satu penilaian yang saya tahu hari ini iaitu ditaksir untuk dimasukkan dahulu ke pejabat kewangan negeri bahkan bukan untuk dinilai tetapi cuma untuk dibubuh setem, kalau tak silap saya dengan harga \$1 tetapi dengan setem \$1 mereka bukanlah menilai tetapi menjadi satu syarat, kalaulah pihak yang berkenaan itu tak mengikut pejabat yang berkenaan, kadang-kadang sampai dua tiga bulan tak selesai. Jadi saya harap ia ditumpukan kepada pejabat yang berkenaan yang akan menilai dan menaksir berkenaan harga itu supaya dibuat seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi supaya pembangunan yang kita tahu telah berjalan dengan begitu pesat, biarlah penilaian itu kepada negeri hendaklah ditumpukan. Kalaulah perkara itu tidak dijalankan kepada semua tempat, ini juga akan mengambil masa yang lama walaupun Rang Undang-undang ini ada, kalaulah kita hendak menjalankan peringkat pusat sahaja. Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan adanya Rang Undang-undang ini akan menjadi penaksiran yang berlaku dengan seberapa cepat yang boleh dan segala pembangunan kita akan berjalan dengan lebih lancar lagi. Dengan itu saya sokong Rang Undang-undang yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

3.52 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang Penilai dan Pentaksir, 1980.

Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan walaupun sudah terlambat, patutnya Rang Undang-undang ini sudah lama diwujudkan sebenarnya untuk membentuk satu Lembaga Penilai dan Pentaksir. Wujudnya Rang Undang-undang ini sesuai dengan pembangunan negara kita dan kita berharap dengan adanya satu Lembaga yang bertanggungjawab dapatlah kita mempercepat hasrat penyertaan bumiputra menggunakan harta-harta mereka terutama sekali di dalam kawasan tanah mereka untuk menyertai Dasar Ekonomi Baru ataupun Dasar Ekonomi yang akan berakhir pada tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita telah mendengar keluh kesah orang ramai atas masalah penilaian harta mereka apabila harta mereka itu hendak diambil oleh Kerajaan dalam bentuk pembangunan. Perkara ini sungguh-sungguh berlaku di dalam kawasan pilihanraya saya sendiri di Setapak yang mana sebelum wujudnya Rang Undang-undang ini berlaku diskriminasi masalah taksiran harta dalam satu kawasan yang sama dan oleh sebab harta itu tuan-tuan punyaanya berlainan tetapi dalam satu kawasan yang nilainya berbeza. Saya berharap perkara seperti ini tidak berlaku lagi. Sebagai contoh, kawasan di Jalan Gurney daripada Jalan Pekeliling masuk ke Jalan Gurney yang hendak dibuat jalan baru melibatkan harta kepunyaan taukeh yang kaya. Saya difahamkan tanah itu tak sampai digunakan setengah batu ataupun suku batu untuk projek jalanraya tetapi dibayar kepada tuan punya tanah itu sebanyak lebih daripada \$1 juta oleh pihak Dewan Bandaraya tetapi tanah dalam kawasan Kampung Baru yang jalannya menembusi Jalan Ampang di hadapan Hotel Merlin, memasuki kawasan Kampung Chendana dan keluar menembusi Jalan Raja Abdullah terus ke Medan Tuanku, ke Jalan Tuanku Abdul Rahman tanah-tanah kepunyaan orang-orang di Kampung Baru dinilai cuma lebih kurang \$15 ataupun \$25

sekaki persegi dan mereka ini kena merobohkan rumahnya. Jadi kalau diskriminasi seperti ini berlaku, timbullah satu suasana yang tidak sihat dan saya harap Menteri Kewangan dalam mewujudkan Lembaga Penilai dan Pentaksir ini dapatlah kita menyesuaikan keadaan dan dapatlah kita menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh tuan-tuan punya tanah terutama sekali yang ada di dalam bandar ini.

Sekarang ini berlaku diskriminasi lagi, iaitu dalam satu kawasan tanah kepunyaan tuan punya yang berlainan. Saya ambil contoh lagi, perbezaan harga tanah di sebelah Jalan Campbell yang sekarang ini dikatakan hendak membina Wisma Wilayah, sebelah kanannya kepunyaan Wisma Wilayah harga tanah itu \$150-\$200 sekaki persegi tetapi sebelah kiri di kawasan kampung baru tak sampai 50 ela bezanya harga tanah itu cuma lebih kurang \$15—\$30 sekaki persegi.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu, kita memahami tanah-tanah seperti itu bukan hendak dijual tetapi tanah-tanah yang terletak di dalam bandaraya sepatutnya hendaklah diberi nilai yang sesuai supaya tuan punya tanah itu dapat menggunakan kemudahan-kemudahan daripada institusi kewangan supaya kawasan itu dapat dibangunkan. Sekarang ini kerana tiada ketentuan nilai tanah di dalam Wilayah Persekutuan ini ataupun dalam kawasan Kuala Lumpur ini sendiri maka timbullah diskriminasi apabila pihak tuan punya tanah hendak memohon kemudahan pinjaman bagi membangunkan kawasan-kawasan tempat tinggal mereka sehingga terpaksa apabila sahaja pembangunan yang hendak dibuat di kawasan tanah kepunyaan orang Melayu atau bumiputra dalam bandar itu, Kerajaan terpaksa campurtangan, terpaksa menggunakan kuasa-kuasa politik dan sebagainya. Kenapakah ini berlaku? Jadi saya berharap dengan wujudnya Rang Undang-undang dan dengan tertubuhnya Lembaga Penilai dan Pentaksir masalah ini tidak akan timbul lagi.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, masalah penilaian harta tanah-tanah di luar bandar. Kita semua sedia maklum kebanyakan bumiputra ataupun orang Melayu mempunyai tanah di luar bandar. Mereka ingin menyertai dalam pembangunan negara, ingin hendak

membangun dan mendapatkan kemudahan daripada institusi kewangan untuk mereka menjalankan perniagaan. Sekali lagi kita lihat diskriminasi yang paling hebat berlaku yang dibuat oleh institusi kewangan seperti bank-bank ataupun badan-badan pinjaman wang kerana tidak dapat jaminan taksiran harta kepunyaan orang-orang di luar bandar ini tanah-tanah mereka itu cuma dinilai yang paling rendah sekali kadang-kadang sampai 10 sen—20 sen sekaki persegi. Maka dengan cara begini banyak yang kita lihat kegagalan berlaku di kalangan peniaga-peniaga bumi-putra yang susah untuk mendapatkan modal pusingan kerana mereka tidak dapat banyak pinjaman, kerana col-lateral ataupun cagaran yang mereka hendak letak harga walaupun tanah mereka itu besar tetapi oleh sebab penilaian tidak ada satu badan yang bertanggungjawab untuk mentaksirkan ataupun untuk menilai harta mereka itu yang boleh dipegang oleh institusi kewangan maka mereka tidak dapat kemudahan yang cukup. Jadi saya berharap sangat dengan diwujudkan Lembaga Penilai dan Pentaksir ini janganlah semata-mata menitik—beratkan harta-harta yang hendak dinilai di dalam bandar sahaja, bahkan hendaklah menitik—beratkan juga harta-harta yang hendak dinilai yang ada di luar bandar maka dalam perkara ini masalah perlantikan ahli-ahli Lembaga Pentaksir dan Penilaian ini, saya minta Menteri Kewangan mengkaji semula perlantikan mereka yang mendudukinya hendaklah juga ahli Lembaga ini terdiri daripada orang-orang yang mengetahui latar belakang kedudukan tanah-tanah Malay Reservation misalnya, tanah-tanah kepunyaan orang di luar bandar, tanah dalam sekim FELDA dan sebagainya yang telah mendapat title dan geran janganlah semata-mata dimasukkan orang-orang yang mempunyai latar belakang kelulusan yang tersebut dalam Akta ini. Ini juga saya minta Menteri Kewangan menimbangkan supaya ahli-ahli Lembaga yang ada di dalam Lembaga Penilai dan Pentaksir ini lengkap dan cukup terdiri daripada orang yang boleh mewakili segenap lapisan tuan-tuan punya harta yang ada di dalam perkara ini.

Dengan ini, saya ucapkan sekali lagi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telahpun mengemukakan Rang Undang-undang ini dan menyokong penuh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

4.00 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk turut menyokong dalam perbahasan Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir 1980 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini adalah berasaskan kepada beberapa sebab. Pertamanya, apabila dilihat dari segi peranan penilaian di dalam pembangunan sesebuah negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulannya pembangunan berjalan ataupun akan berjalan dengan pesat dan licin apabila masalah-masalah penilaian berjalan dengan baik di negara kita ini. Dengan lain-lain perkataan, banyak projek-projek pembangunan yang sudah kita rancang tengendala dan terlambat perlaksanaannya yang berpunca daripada sebab-sebab kelambatan dalam pengambilan balik tanah umpamanya yang disebabkan oleh beberapa perkara dan masalah-masalah teknik di dalam penilaian.

Saya buat misal, Tuan Yang di-Pertua, ada tanah dinilai dengan tidak mengikut nilai semasa dan tanah ini hendak diambil balik ataupun hendak dijadikan tapak untuk satu bangunan, jadi apabila tuan tanah ini tidak berpuas hati di atas nilai yang sudah dibuat maka terpaksa proses pengambilan balik tanah ini dibuat semula. Jadi ini akan melambatkan keadaan, akan mewujudkan satu keadaan di mana projek-projek yang sudah kita rancang itu terlambat ataupun tergendala. Oleh kerana itu saya memandangkan bahawa dengan wujudnya Akta Penilai dan Pentaksir ini maka mudah-mudahan masalah-masalah yang kita hadapi dalam melancarkan atau melicinkan pembangunan negara kita ini akan dapat kita laksanakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, perjalanan yang berlaku sebelum Lembaga Penilai dan Pentaksir ini wujud, penilai-penilai yang sudah didaftar di bawah Akta Juruukur. 1967. Dalam hubungannya dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang memberi

pinjaman dan berbagai-bagai kepada usahawan-usahawan khususnya usawan-usahawan bumiputra, kita dapati bahawa bank-bank ataupun institusi-institusi kewangan yang tertentu ini mempunyai penilai-penilai penalnya yang tersendiri. Jadi ini saya nampak boleh mewujudkan satu keadaan ataupun boleh menimbulkan monopoli. Apabila ini berlaku kemungkinan ataupun semacam penekanan kepada usahawan-usahawan kecil yang hendak meminjam daripada bank-bank ataupun institusi-institusi kewangan kelak. Oleh sebab itu melalui Lembaga ini kita meminta bahawa masalah penilai penilai dan pentaksir kepada bank-bank ini, kalau boleh dihapuskan dan dengan cara penghapusan ini, kebebasan kepada peminjam-peminjam, kebebasan kepada usahawan-usahawan yang hendak mencari penilai-penilai yang berdaftar untuk menilai harta-benda mereka bagi menjadi cagaran kepada bank-bank ini boleh dibuat dengan sebebaskan-bebasnya tanpa penekanan kepada mereka.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasakan pengamalan yang berlaku sekarang ini di mana peminjam-peminjam yang hendak menilai harta mereka dikenakan bayaran. Jadi bayaran-bayaran ini kadang-kadang kita nampak ada unsur-unsur penekanan yang tidak menasabah, khususnya kepada peminjam-peminjam ataupun kepada syarikat-syarikat kecil dan kepada usahawan-usahawan yang baru muncul, katakanlah, mereka itu hendak meminjam \$20,000 dan apabila dinilai harta mereka kena bayaran nilainya sudah sekian banyak, katakan, kita ambil \$200 dan bunga (interest) di atas pinjaman sekian banyak pula dan ada lagi barangkali bayaran-bayaran yang lain yang terpaksa dibayar oleh peminjam-peminjam ini. Jadi di manalah jumlah (amount) \$20,000 yang dikehendaki untuk melaksanakan sesuatu projek itu dapat dilaksanakan dengan secara baik.

Saya berharap melalui Lembaga ini kita sudah ada di Fasal 10 (e) itu sudah ada: menetapkan dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri skel fee. Jadi saya berharap melalui ceraihan (e) ini penetapan ertinya

fee yang minima kepada peminjam jumlah (amount) yang ada tahapnya hendaklah kita adakan. Dalam erti kata yang lain, kita hendaklah membuat peringkat-peringkat, katakanlah penilaian yang hendak dibuat itu \$50,000 ke bawah hendaklah tetapkan minima feenya berapa. Saya ingat kalau kita buat begini tekanan kepada peminjam-peminjam kecil, usahawan-usahawan kecil itu kita dapat elakkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara juga yang saya hendak sebut di sini ialah di BAHAGIAN IV, Fasal 16 (8) di mana ada disebutkan bahawa:

“Pendaftar boleh pada tiap-tiap tahun menerbit dan menawar untuk jualan salinan Daftar itu.”

Jadi saya faham daripada bacaan saya bahawa Daftar ini ialah untuk kegunaan penilai-penilai dan pentaksir-pentaksir juga orangramai. Jadi kalaulah Daftar yang hendak memberi manfaat dan faedah kepada umum ataupun orangramai hendak dibayar, jadi inipun satu perkara juga.

Saya haraplah kalau dapat dipertimbangkan bahawa bayaran kepada Buku-buku Daftar itu kalau boleh kita hapuskan. Kalau tidak boleh bayarannya hendaklah paling minima.

Jadi dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sekali lagi Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.07 ptg.

Dato Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan semangat dan minat mereka dalam perbincangan atas Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir 1980 dalam Dewan yang mulia ini.

Saya berasa gembira mendengar hujah-hujah dan teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berasas dari berbagai-bagai segi dan aspek perkara ini yang sihat dan membina.

Saya tidak dapat menjawab satu persatu atas nujah-hujah Ahli-ahli Yang Berhormat melainkan meneliti beberapa aspek mengenai Rang Undang-undang ini seperti berikut.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menyentuh tentang kuasa-kuasa Lembaga itu untuk memasuki harta, tanah tuannya bagi tujuan menjalankan tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memberitahu bahawa setiap langkah dan usaha akan diambil untuk memastikan bahawa kuasa Lembaga ini dijalankan dengan aman dan damai dan memuaskan kepada pihak orang ramai dan pihak penguasa itu.

Jika sekiranya di mana-mana terdapat pegawai-pegawai yang telah melampaui perbatasan kuasa yang tersebut tadi, kes-kes ini bolehlah dirujuk kembali kepada saya atau Kementerian Kewangan untuk suatu keputusan yang benar dan memuaskan.

Di samping itu saya juga ingin merayu kepada orang ramai agar mereka dapat bekerjasama dengan pihak Lembaga dengan tujuan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan licin dan cekap.

Perkara yang kedua yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit ialah mengenai pilihan ahli-ahli Lembaga untuk berkhidmat dengannya. Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya juga akan memastikan bahawa mereka yang dipilih seperti yang dikatakan tadi akan dipilih dari golongan yang sesuai dan sentiasa bersedia berkhidmat bukan dari segi tenaga sahaja tetapi dari segi semangat dan jiwa yang sesuai sekali. Tujuan ini bolehlah dicapai melalui pilihan yang berasaskan atas kelayakan pengalaman dan latar belakang ahli-ahli Lembaga itu. Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah percaya bahawa ahli-ahli ini akan dipilih dengan sempurna dan dipercayai baik dan sesuai sekali.

Yang Berhormat dari Kinta telah membangkitkan perkara mengenai pembayaran (fees) yang dikenakan bagi kerja yang dilakukan oleh Lembaga itu. Perkara ini memang sangat kena pada tempat dan masanya. Saya percaya rakyat jelata sudah pasti membantah sebarang pembayaran jika ianya sangat tinggi atau mahal oleh kerana langkah sedemikian

sudah pasti tidak menguntungkan rakyat malarah membebankan kedudukan kewangan mereka. Apa lagi ianya akan menyebabkan kenaikan inflasi yang semakin bertambah dalam dunia ini. Percayalah Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa sebarang kadar pembayaran itu akan dicapai melalui garis panduan yang tertentu dan berasaskan di atas kos dan sebagainya. Ianya bukan ditetapkan dengan tiada apa-apa sebab sahaja dan dalam perkara ini saya fikir rakyat tidak haruslah bimbang.

Perkara yang kedua yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Kinta juga ialah peperiksaan yang dilakukan oleh Lembaga Penilai dan Pentaksir. Peperiksaan ini serupa dengan lain-lain peperiksaan akan dilaksanakan dengan kecakapan dan akan memelihara mutu yang sesuai dengan profession ini. Ianya juga setanding dengan yang dilakukan oleh Universiti atau Maktab Teknik. Ini adalah penting dan perlu bertujuan untuk melindungi pihak pengguna-pengguna atau orang ramai yang memerlukan perkhidmatannya.

Berpaling kepada perkara mengenai perhubungan Lembaga dengan orang ramai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya penuh keyakinan bahawa ahli-ahli Lembaga ini dapatlah memberi perkhidmatan yang cemerlang dan memuaskan. Ini disebabkan bahawa mereka akan benar-benar dipilih dari golongan yang berjiwa dan bersemangat sesuai dan bersedia berkhidmat untuk rakyat dan negara. Seperti yang saya katakan hanya apa yang diperlukan ialah kerjasama dari orang ramai yang saya merayu dan saya percaya ini tidak susah dicapai demi kepentingan rakyat dan negara.

Menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar berkaitan dengan pendaftaran Penilai-penilai yang bukan warganegara Malaysia untuk menjalankan kerja-kerja penilaian di Malaysia, saya ingin menegaskan bahawa Penilai-penilai di dalam negara kita ini tidak perlu rasa bimbang kerana sijil untuk melayakan Penilai-penilai bukan warganegara Malaysia hanya dikeluarkan jika kepakaran dalam bidang penilai yang tertentu tidak boleh diperolehi dari Penilai tempatan. Tambahan pula sijil yang dikeluarkan ini adalah untuk tempoh 6 bulan sahaja.

Untuk menjawab hujah yang dibangkitkan oleh Yang Bernormat dari Kangar, Bahagian Penilaian yang mempunyai kakitangan sejumlah 603 orang termasuk 83 kakitangan ikhtisas sedang disusun semula dengan tujuan memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan cepat kepada Jabatan-jabatan Kerajaan serta orang awam. Untuk mencapai objektif ini, langkah-langkah seperti berikut sedang diambil:

- (1) Pembukaan 15 cawangan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Dalam tahun 1981 cawangan baru akan dibuka di Keluang, Kajang dan di Tawau, Sabah.
- (2) Penubuhan sebuah Pusat Latihan dan Penyelidikan bagi Bahagian Penilaian. Pusat ini akan memberi latihan in-service kepada kakitangan Bahagian Penilaian dan juga latihan asas dalam bidang penilaian kepada kakitangan daripada pejabat-pejabat am serta Pihak-pihak Berkuasa Tempatan.
- (3) Penubuhan sebuah Land Scale Data Bank dengan penggunaan komputer. Penggunaan komputer itu akan membolehkan Bahagian Penilaian membuat analisa di atas jualan-jualan tanah dengan lebih cepat dan Data Bank itu akan membantu Kementerian Kewangan memperhatikan kedudukan pasaran harga tanah di seluruh Malaysia dari masa ke semasa.

Data bank itu juga akan menolong Kementerian Kewangan mengeluarkan laporan harta tanahnya dengan lebih cepat. Bersamaan dengan kuasa legal yang akan diperolehi daripada Rang Undang-undang ini saya penuh yakin kecekapan Bahagian Penilaian akan ditingkatkan.

Menyentuh tentang satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, saya ingin menjamin bahawa penilaian yang akan dijalankan oleh Ketua Pengarah Penilai akan berasas kepada pertimbangan rasional dengan mengambil kira harga-harga pasaran tempatan dan potensi-potensi harta-harta yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhor-

mat yang telah menyokong sepenuhnya atas Rang Undang-undang ini. Minat dan semangat mereka dalam perbahasan Rang Undang-undang ini amatlah dihargai, begitu juga nasihat dan pandangan mereka yang sihat dan membina. Begitulah usaha saya untuk menjawab beberapa soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Yang mana soalan belum sempat diberi jawapan dalam Dewan ini saya telah mengambil catitan penuh mengenai teguran-teguran yang baik dan membina untuk tindakan selanjutnya kelak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan iaitu soalnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*

Fasal 1 hingga 35 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual I hingga III diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1980 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana semua maklum Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 telah mendapat persetujuan di-Raja pada 31hb Julai, 1980 dan berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980. Kini didapati bahawa beberapa pindaan perlu dibuat kepada Akta berkenaan. Satu daripadanya ialah pindaan kepada seksyen 4 (a) dan (b) yang lebih merupakan pembetulan yang perlu dibuat untuk memelihara relativity gaji Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan Ahli-ahli Pentadbiran di samping meniaga dan memelihara kedudukan pemegang-pemegang jawatan-jawatan tersebut.

Selain daripada itu sewaktu melaksanakan Jadual Pertama Akta tersebut terdapat beberapa perkara yang kurang jelas yang telah menimbulkan sedikit kekeliruan mengenai kemudahan-kemudahan persaraan bagi ahli-ahli yang lavak terutama bagi mereka yang telah bersara sebelum terlaksananya Akta baru ini. Rang Undang-undang ini dengan itu adalah juga bertujuan untuk mendapat kelulusan Dewan ini meminda Jadual Pertama kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dengan meniadakan perenggan baru 19A supaya membolehkan Yang di-Pertuan Agong meminda Jadual Pertama kepada Akta berkenaan melalui perintah di-Raja untuk melaksanakan penyesuaian dari masa ke semasa bagi tujuan supaya pemberian faedah persaraan dapat dilaksanakan dengan licin dan sempurna dan perenggan baru 19B pula diadakan untuk meniadakan peruntukan bagi Perdana Menteri atau seorang yang diberi kuasa oleh Perdana Menteri secara bertulis menialakan kuasa-kuasa atau melaksanakan kewajipan-kewajipan Yang di-Pertuan Agong di bawah Jadual Pertama kepada Akta, kecuali kuasa-kuasa di bawah perenggan 19 dan 19A Jadual Pertama tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya di hadapan Mailis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada bahasan, maka sekarang ini saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan:

dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN KEPADA NEGERI (PENYENGGARAAN PIHAK-PIHAK BERKUASA TEMPATAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.33 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Akta yang diberi nama Akta Pemberian kepada Negeri (Penyenggaraan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan) 1980 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memberi kepada penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula pemberian setahun sekali melalui Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu untuk membantu penguasa-penguasa tempatan menyenggara pentadbiran mereka.

Sebagaimana yang telah dimaklumkan Kerajaan dalam usaha untuk mempertingkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat jelata telah membuat keputusan supaya penguasa-penguasa tempatan yang mana berjumlah 374 buah disusun semula dengan tujuan memperluaskan kawasan-kawasan penguasa

tempatan dan di dalam proses memperluaskan kawasan-kawasan itu dapat memberi kemudahan-kemudahan infrastruktur kepada penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan yang terdahulunya tidak mempunyai kemudahan-kemudahan tersebut. Kerajaan Persekutuan adalah menyedari bahawa kebanyakan daripada penguasa-penguasa tempatan adalah menghadapi masalah kewangan yang berat dan oleh yang demikian Kerajaan Persekutuan telah bersetuju memberi bantuan kewangan peruntukan khas kepada penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula.

Sebagai daya penarik dan bantuan kepada penguasa-penguasa tempatan di dalam sistem yang baru ini Kerajaan Persekutuan sejak 1hb Januari, 1978 telah memberi bantuan kewangan khas kepada penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri. Pemberian kewangan khas ini diberi untuk menyenggara (maintenance) dan dikira mengikut formula tertentu berasaskan faktor-faktor penduduk dan hasil penguasa tempatan berkenaan.

Pemberian tersebut juga adalah tertakluk kepada beberapa syarat yang mesti dipatuhi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Bolehlah dikatakan bahawa satu unsur pendorong di dalam pemberian kewangan khas itu ialah bertujuan untuk menggalakkan penguasa-penguasa tempatan supaya lebih berusaha di dalam kutipan hasil pendapatannya.

Kuasa untuk memberi dan tujuan memberi pemberian itu ada dinyatakan di dalam Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut yang juga menghuraikan bahawa pemberian ini boleh dibuat dari masa kesemasa dan amaunnya ditentukan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi Kerajaan Tempatan setelah berunding dengan Menteri Kewangan.

Di bawah Fasal 3 pula dinyatakan bahawa hak dan syarat boleh dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan semasa memberi pemberian itu. Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menca-
dangkan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk memberi kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang tersusun semula pemberian melalui Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu untuk membantu Pihak-pihak Berkuasa Tempatan menyenggara pentadbiran mereka, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Jerai.

4.36 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong di atas Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk memberi kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang tersusun semula pemberian melalui Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu untuk membantu pihak-pihak berkuasa tempatan menyenggara pentadbiran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Rang Undang-undang ini lebih lama dahulu lagi dibentangkan kerana penguatkuasaannya adalah dikehendaki bermula pada 1hb Januari, 1978. Walau bagaimanapun, saya sukacita merakamkan penghargaan kepada pihak Kerajaan kerana membentangkan Rang Undang-undang di Dewan ini bagi dapat disahkan dan dapat dilaksanakan sepenuhnya pada matlamat yang telah ternyata.

Tuan Yang di-Pertua, adalah nyata bahawa penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula sekarang ini adalah menghadapi kekurangan kewangan bagi mengurus, mentadbir dan menjalankan pelaksanaan pembangunan-pembangunan infrastruktur kepada kawasan-kawasan yang di bawah pentadbiran penguasa-penguasa tempatan.

Hal ini telah berlaku sejak beberapa lama iaitu semasa sebelum penguasa-penguasa tempatan ini disusun semula dan sehinggalah penguasa-penguasa tempatan ini disusun semula sekarang ini.

Dengan adanya kekurangan dan kelemahan dalam pentadbiran disebabkan oleh kerana kekurangan kewangan maka sudah banyak perkara-perkara yang dirancangan tidak dapat dilaksanakan bagi memberi beberapa

kemudahan-kemudahan dan kesempurnaan kepada mereka yang tinggal di dalam daerah penguasaan tempatan itu sendiri.

Adalah menjadi satu harapan yang besar dengan adanya Rang Undang-undang yang dibentangkan ini dan kita berharap pihak Kerajaan akan dapat memberikan pertimbangan dan penilaian yang begitu tinggi untuk memberikan peruntukan-peruntukan kepada pihak penguasa-penguasa tempatan supaya pihak-pihak penguasa tempatan dapat merancang dan merencanai sesuatu kegiatan dan pembangunan yang boleh memberi ketinggian dan kesempurnaan kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan-kawasan penguasa tempatan itu sendiri.

Adalah menjadi suatu yang wajar pihak Kerajaan Persekutuan memberi bantuan yang mencukupi kepada Kerajaan Negeri untuk dapat disampaikan kepada Penguasa-penguasa Tempatan supaya dengan peruntukan-peruntukan yang diberi ini akan dapat juga memberi kelegaan kepada pihak Penguasa-penguasa Tempatan yang mana selama ini hanya bergantung pendapatannya kepada pengutipan hasil-hasil pendapatan di dalam daerah-daerah Penguasa Tempatan itu sendiri sedangkan kutipan-kutipan hasil yang didapati itu tidaklah dapat hendak diimbangkan dengan keperluan peruntukan yang direncanakan untuk pembangunan dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan yang seharusnya dapat dilaksanakan sesuai dengan pelaksanaan pembangunan negara yang ada pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diharapkan dengan adanya peruntukan-peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri bagi maksud perbelanjaan dalam Penguasa-penguasa Tempatan ini ialah diharapkan semoga lebih banyak perancangan-perancangan yang berguna dapat dirancanai oleh pihak Penguasa-penguasa Tempatan dan juga dapat pula merencanai sesuatu yang begitu licin dan teratur terutama sekali di dalam pelaksanaan-peraksanaan perancangan khususnya di dalam bidang pentadbiran dan pengurusan kewangan itu sendiri. Apa yang kita tidak ingin berlaku di sini ialah dengan adanya peruntukan dan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan kepada negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan ini sekiranya tidak dirancanai pentadbiran dan pengurusan kewangan yang lebih sempurna, yang lebih teratur kita

bimbang akan berlaku beberapa kelemahan pentadbiran dan pengurusan kewangannya sendiri yang mana kelak akan melibatkan beberapa kejadian yang tidak sepatutnya berlaku akan berlaku.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyatakan bahawa dengan wujudnya Rang Undang-undang ini bukan sahaja merupakan sebagai asas permulaan kepada pihak Kerajaan Persekutuan memberikan peruntukan-peruntukannya tetapi adalah diharap akan dapat memberikan satu landasan bagi pertimbangan sepenuhnya oleh Kerajaan terhadap pelaksanaan dan perancangan-perancangan yang dirancanai di dalam Penguasa-penguasa Tempatan. Kita tidak mahu dengan lulusnya Rang Undang-undang ini dan kuasa yang diberikan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan dengan rundingan dengan pihak Kementerian Kewangan akan berlaku pula penyekatan-penyekatan yang mana hanya dikhususkan kepada perkara-perkara yang tertentu sahaja. Kita berharap peruntukan-peruntukan bantuan yang dapat diberikan adalah menyeluruh yang meliputi di dalam berbagai-bagai projek dan perancangan yang dapat memberi faedah kepada rakyat yang tinggal di kawasan Penguasa-penguasa Tempatan itu sendiri. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Nilam Puri.

4.45 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk menyokong Suatu Akta untuk memberi kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang tersusun semula pemberian tahunan melalui Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu untuk membantu pihak-pihak berkuasa tempatan menyenggara pentadbiran mereka.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian berkenaan kerana mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Saya fikir dan saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang ini akan memberi kesempatan kepada pihak Kerajaan memberikan bantuan yang lebih banyak kepada rakyat

di seluruh negara kita ini yang telahpun ditubuhkan pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis-majlis Daerah di seluruh negara semenjak 1-1-78 yang lalu.

Pada masa dahulu Majlis Daerah ini belum lagi ada dan apa yang ada hanya ialah Majlis-majlis Tempatan ataupun Local Council yang bidang kuasanya sangatlah terhad. Majlis Tempatan ini juga tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan sebab itulah Majlis Tempatan itu tidak dapat menjalankan perkhidmatan kepada rakyat di dalam kawasan yang berkenaan.

Saya berharap dengan adanya Majlis-majlis Daerah yang telah ditubuhkan di seluruh negara kita ini akan dapat memberikan perkhidmatan lebih banyak kepada rakyat di kawasan masing-masing. Dengan adanya Akta ini yang memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat Kementerian yang berkenaan memberikan bantuan wang kepada Majlis-majlis Daerah itu melalui Kerajaan Negeri peluang bagi rakyat untuk menerima sumbangan daripada Kerajaan itu akan lebih luas lagi. Saya minta supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberikan bantuan kepada pihak Penguasa Tempatan atau Majlis Daerah di seluruh negara kita ini supaya merancang projek-projek bagi kepentingan masa depan pihak Berkuasa Tempatan itu untuk hidup dan dapat berkhidmat kepada orang ramai. Apa yang saya maksudkan. Tuan Yang di-Pertua, ialah pada peringkat permulaan ini tentulah kita tidak dapat mengharapkan sumbangan ataupun hasil yang dapat dikutip daripada orang ramai.

Kita memang sedar bahawa Majlis Daerah adalah meliputi kawasan pendalaman termasuk di kampung-kampung yang hitung panjang pendapatan penduduk di situ sangatlah rendah. Sekiranya dikenakan cukai kepada penduduk di situ yang pada masa dahulunya tidak pernah membayar cukai kepada Kerajaan telah menimbulkan satu masalah pula kepada Kerajaan kita. Sebab itu saya berharap supaya Majlis-majlis Daerah merancang projek untuk jangka panjang supaya dalam tempoh 5 atau 10 tahun akan datang hasil daripada projek itu akan dapat mendatangkan pendapatan kepada Majlis Daerah yang berkenaan dan dengan

itu boleh menjalankan, boleh membelanjakan hasil itu bukan sahaja untuk perbelanjaan biasa tetapi juga untuk merancang projek-projek yang lain lagi.

Apa yang saya berharap dalam tempoh beberapa tahun yang dekat ini supaya peruntukan itu diberi dengan lebih banyak dan lebih besar lagi untuk Majlis Daerah merancang projek yang boleh mendatangkan hasil, seperti mengadakan bangunan-bangunan untuk disewa, mengadakan rancangan perumahan dan sebagainya yang boleh mendatangkan hasil kepada Majlis Daerah itu pula. Dengan itu bukan sahaja boleh membelanjakan perbelanjaan biasa seperti membayar gaji kakitangan dan sebagainya tetapi boleh pula menjalankan rancangan-rancangan yang lain. Saya menitikberatkan soal mengadakan projek jangka panjang bagi meneruskan Majlis Daerah itu boleh mengekalkan kedudukannya. Apa yang saya dapat faham Kerajaan Pusat barangkali akan membayar peruntukan atas bantuan yang berupa grant dan sebagainya dalam tempoh yang tertentu.

Dengan ini saya menyokong kuat Rang Undang-undang ini dan berharap supaya dengan adanya Rang Undang-undang ini Majlis Daerah di seluruh negara kita akan mendapat faedah dan seterusnya rakyat akan mendapat nikmat daripada Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.52 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya bangun mengambil bahagian dalam perbincangan atas Rang Undang-undang ini dan di samping itu suka mengutarakan beberapa pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

Adapun tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menyediakan pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang telah disusun semula dengan pemberian-pemberian menerusi sesuatu Kerajaan Negeri bermaksud untuk membantu pihak-pihak Berkuasa Tempatan dalam menyanggarkan pentadbiran mereka.

Rang Undang-undang ini juga menyediakan peruntukan supaya Kerajaan Persekutuan boleh dari semasa ke semasa menguntukkan satu pemberian kepada mana-mana negeri untuk menyenggara Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dalam negeri tersebut.

Tuan Speaker, meskipun saya menyokong Rang Undang-undang ini pada dasarnya oleh kerana pemberian-pemberian daripada Kerajaan Persekutuan amat diperlukan dari semasa ke semasa oleh tiap-tiap negeri untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan menyenggarakan pentadbiran mereka dalam negeri tersebut, tetapi adalah menjadi harapan dan permintaan saya dengan secara jujur bahawa pemberian-pemberian ini akan dihulurkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan, tidak kira sama ada sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan berada dalam kawasan Barisan Nasional atau Pembangkang. Janganlah ada lagi perbuatan diskriminasi politik di atas asas-asas politik berhubung sesuatu pemberian kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyenggarakan pentadbiran mereka.

Saya sedar, Tuan Speaker, bahawa banyak Badan Berkuasa Tempatan yang kekurangan kewangan dan perkara ini seringkali berlaku dalam mengendali atau melaksanakan berbagai-bagai projek kecil, seperti membaiki longkang-longkang atau parit-parit di tepi jalan dalam kampung-kampung baru, mengatasi banjir kilat dan membaiki kutipan sampah sarap. Oleh sebab semua masalah-masalah ini berlaku oleh kerana Badan Berkuasa Tempatan tidak cukup peruntukan, akibatnya penduduk-penduduk yang tinggal dalam kawasan-kawasan sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan terpaksa menanggung banyak penderitaan.

Sebagai satu contoh, Tuan Speaker, saya ingin menyentuh Kampung Baru Serdang. Saya adalah Wakil Rakyat Negeri untuk kawasan itu dan saya merasa amat dukacita di atas kenyataan bahawa semua permintaan yang saya buat sebagai seorang Wakil Rakyat untuk kawasan itu berkaitan dengan projek-projek kecil untuk faedah penduduk-penduduk di tempat itu, setiap kali saya diberitahu oleh Majlis Daerah Petaling, iaitu Pihak Berkuasa Tempatan di situ bahawa permintaan saya tidak dapat diterima, kena tolak dengan alasan apa? Dengan alasan tiada peruntukan yang disediakan. Saya berasa amat kesal terhadap perkara ini dan saya

terpaksa bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah sebab bahawa Kampung Baru Serdang itu tidak dapat menikmati faedah, menikmati pembangunan oleh kerana tidak ada peruntukan yang disediakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan itu? Adakah ini disebabkan oleh kerana kawasan itu dimenangi oleh Parti Pembangkang? Saya terpaksa bertanya ini oleh sebab saya nampak tidak ada alasan-alasan yang lain, kecuali oleh kerana tempat ini dimenangi oleh saya sebagai Wakil DAP, Wakil Pembangkang di kawasan itu.

Saya berpendapat, Tuan Speaker, bahawa ini adalah tidak adil oleh kerana tidak ada sebab kenapa Pihak Berkuasa Tempatan tersebut tidak diberikan peruntukan yang lebih dalam bentuk pemberian bagi membolehkannya melaksanakan berbagai-bagai projek kecil untuk kepentingan penduduk-penduduk tempatan di situ, kecuali seperti saya katakan tadi, pihak Kerajaan Barisan Nasional hendak bermain politik di kawasan itu.

Kerajaan hendaklah sentiasa ingat dan saya ingin menitikberatkan perkara ini untuk perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan oleh sebab Yang Berhormat Menteri ialah dari Parti MCA bahawa penduduk-penduduk di kawasan berkenaan adalah juga pembayar cukai, jangan lupa itu, mereka pun adalah pembayar-pembayar cukai! Atas alasan itu mereka hendaklah juga berhak; saya tegaskan, mereka juga berhak kepada pembangunan dan pelaksanaan berbagai projek kecil untuk membaiki kesejahteraan hidup mereka. Saya berasa adalah tidak adil bagi pihak Kerajaan menimbang dari segi politik. Dalam sebuah demokrasi berparlimen tentulah penduduk-penduduk di tiap-tiap kawasan pilihanraya diberikan satu peluang untuk mengundi sesiapa yang mereka anggap layak untuk mewakili mereka dan apabila sesuatu keputusan telah dibuat oleh penduduk-penduduk di situ dalam pilihanraya adalah mustahak pihak Kerajaan yang sentiasa adil, adalah saksama, bahawa pihak mereka patutlah menghormati keputusan yang telah dibuat oleh penduduk-penduduk di situ.

Saya ingin menekankan di sini bahawa mereka hendaklah tidak dinafikan hak mereka kepada pembangunan oleh kerana pihak Berkuasa Tempatan berkenaan tidak ada peruntukan kewangan atau kerana

mereka tidak sependapat ideologi politik dengan Barisan Nasional dan memutus untuk memilih wakil Pembangkang dalam Pilihan-raya umum lepas.

Tuan Speaker, saya suka menggesa Yang Berhormat Menteri—saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri mahu menerima gesaan saya, mungkin beliau akan tolak, saya tahu tentu beliau akan tolak, tetapi saya rasa bahawa atas satu perkara prinsip saya merasakan bahawa sebagai Wakil Rakyat saya ada tanggungjawab untuk menyuarakan pandangan-pandangan mereka, pandangan-pandangan penduduk di situ dan saya suka mengambil kesempatan ini untuk saya meminta pihak yang berkenaan mengambil perhatian serius mengenai diskriminasi politik seumpama itu sebagaimana yang telah berlaku dalam kawasan saya sendiri, Kawasan Negeri Kampung Baru Serdang.

Jika Kerajaan mendakwa bahawa ia sering berlaku adil dan saksama maka haruslah dibuktikan dengan memberhentikan segala bentuk diskriminasi yang dihadapi penduduk-penduduk yang tinggal baikpun di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh parti Barisan Nasional ataupun parti Pembangkang.

Akhirnya, Tuan Speaker, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan satu syor—sama ada akan diterima atau tidak, saya tidak boleh buat apa, terserah kepada pihak Kerajaan, tetapi syor saya ialah dan saya harap buat ini dengan tujuan bahawa syor saya ini dapat dicatatkan dalam *Hansard* Parlimen, bahawa dengan mengemukakan Rang Undang-undang ini, saya suka menggesa supaya pilihanraya Kerajaan Tempatan dipulihkan demi kepentingan demokrasi berparlimen. Apa yang kita tahu sekarang pilihanraya Kerajaan Tempatan telah digantung dan boleh dikatakan bahawa inilah satu keadaan yang tidak sehat demi kepentingan demokrasi berparlimen di negara kita. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan pandangan saya bahawa masanya telah tiba bagi pihak Kerajaan untuk memulihkan pilihanraya Kerajaan Tempatan supaya penduduk-penduduk yang menduduki kawasan-kawasan di bawah jagaan pihak Berkuasa Tempatan diberi satu peluang untuk melibatkan diri mereka dalam memilih wakil-wakil Kerajaan Tempatan untuk menjaga kepentingan mereka, untuk memperindungi kepentingan mereka. Itu ialah pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

5.05 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan saya mengucapkan ribuan terima kasih. Dengan adanya Rang Undang-undang ini dapatlah Majlis-majlis Tempatan khasnya kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti Perlis dapat menikmati peruntukan-peruntukan yang akan diberi dan yang telah diberi oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan perkara lain, saya bukanlah hendak bangkang pendapat kawan saya dari Kuala Lumpur Bandar, ini adalah pendapat masing-masing, saya sungguh-sungguh berterima kasih kepada Kerajaan yang mana Majlis Tempatan ini digantungkan kekuasaan pilihanrayanya. Saya katakan begitu sebab Majlis Tempatan kerap kali menjadi ribut, misalnya di Perlis, pusat kepada negeri Perlis ialah Kangar, begitulah juga di tempat-tempat lain dan yang menguasai seterusnya di peringkat negeri itu ialah Kerajaan Negeri dan seterusnya Kerajaan Pusat. Pendek kata kalaulah kuasa yang ada pada Majlis Tempatan itu berlawanan dengan kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri dan ada pada Kerajaan Pusat, saya kawatir dan bimbang apa-apa rancangan yang akan dibuat oleh Kerajaan Pusat khasnya negeri-negeri tidak dipersetujui oleh Kerajaan Tempatan. Pendek kata kalaulah satu-satu rancangan itu tidak disetujui tentulah rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan tidak dapat dijalankan kerana pihak Kerajaan Tempatan membuat ikut pandainya sendiri, yang malangnya kadang-kadang Majlis Tempatan itu tidak dapat hendak mengutip cukai yang penuh. Bila tidak dapat mengutip cukai tentulah tidak dapat membersihkan bandar dan sebagainya. Kalau tidak bersih bandar ataupun Majlis Tempatan itu maka dengan sendirinya menjadi satu perkara yang tidak baik ataupun terus tidak baik kepada satu-satu Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri.

Saya misalkan satu-satu bandar itu terletak di bawah satu-satu kepala Kerajaan Negeri. Kalau Majlis Tempatan itu tidak baik, bukan disebut Majlis Tempatan itu sahaja

tidak baik, seterusnya negeri itu kotor dan sebagainya. Tetapi kalau pihak negeri pula akan membelanjakan sedangkan yang menguasai dan mengatur ialah Kerajaan lain, yakni ada satu badan lain, tentulah pihak negeri juga akan mengikut apa kehendak dia kerana dia yang akan mengeluarkan wang. Saya berpendapat dengan adanya Rang Undang-undang ini dan sebagaimana pengantungan yang dibuat kerana kerap kali kita bergantung kepada Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri setengahnya ada wang, jadi kalau lain yang berkuasa, lain yang hendak keluarkan wang, itu tidak adil pada pendapat saya. Biarlah dia yang akan mengeluarkan wang, biar dialah yang akan menguasai dalam satu-satu Majlis Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya berpendapat dengan adanya Rang Undang-undang ini, Majlis-majlis Tempatan akan berjalan dengan baik dan lancar kerana salah satu sebab yang tidak dapat berjalan dengan lancar itu ialah di segi kewangan. Kalau satu-satu Majlis Tempatan kekurangan kewangan, inilah yang akan membawakan satu-satu Majlis Tempatan itu tidak akan dapat berjalan dengan baik. Saya berharap dengan adanya kelulusan undang-undang ini, pihak Kerajaan Tempatan dan Kementerian yang bertanggungjawab akan mencurahkan lagi wang sebanyak-banyak yang boleh terutama kepada negeri-negeri yang kurang maju—yang saya maksudkan salah satu negeri dalam Malaysia ialah Perlis, kalau kita hendak harap kepada Kerajaan Negeri ataupun harap kepada cukai-cukai, kadang-kadang yang ada dalam Majlis Tempatan itu juga terdiri daripada orang-orang yang tidak begitu berkeupayaan walaupun sepatutnya yang ada di Majlis Tempatan ini khasnya di dalam pekan-pekan hendaklah terdiri daripada orang yang kaya dan sebagainya, tetapi ada kedapatan juga orang-orang yang tidak berkemampuan seperti buruh-buruh dan sebagainya yang ada di sekitar Majlis Tempatan ataupun Majlis Bandaran sebagaimana yang kita katakan tadi. Jadi kalau cukai kepada mereka ini akan dilipatgandakan akan mencantekkan bandar-bandar itu tentulah memberatkan. Maka dengan adanya

Kerajaan Tempatan boleh memberi segala peruntukan ini meringankan penduduk-penduduk yang terpaksa membayar cukai yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati hari ini kebanyakan Majlis Tempatan tidak begitu bersih kadang-kadang semak semun dan lalang masih ada di tanah-tanah yang ada dalam kawasan itu. Begitu juga parit-parit tidak dicuci dengan baik. Saya berharap patutlah Majlis Tempatan juga mengadakan penyelarasan yang rapi dengan badan-badan yang berkenaan misalnya LLN, JKR dan sebagainya. Saya dapat tahu ahli-ahli Majlis Tempatan selain daripada yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, banyak juga terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat, misalnya, setahu saya Majlis Tempatan di Kangar ada pegawai JKR, pegawai hospital, pegawai perancangan dan lain-lain seperti lain-lain Majlis Tempatan. Jadi saya berharap Majlis Bandaran Kangar dan di mana juga tempat kalaulah sesuatu perancangan yang akan dibuat oleh Kerajaan atau Kementerian lain misalnya, JKR, atau Kementerian Pos dan Telekom hendaklah ada hubungan bersama. Pendek kata janganlah hari ini pihak telekom korek, esok JKR kambus, lusa lain pula korek dan tebuk, dengan sebab itu selalu berlaku kerosakan, telefon selalu jahanam dan sebagainya kerana penyelarasan tidak ada. Saya sekali lagi mengatakan ahli-ahli Majlis Tempatan kebanyakan selain daripada yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, banyak juga pegawai yang jawatannya bersangkutan di dalam sesuatu projek itu, dengan sebab itu penyelarasan hendaklah diadakan selalu bila hendak menjalankan satu rancangan yang akan diadakan dalam Majlis Tempatan dan bandaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat adanya peruntukan dan Rang Undang-undang ini patutlah Majlis Tempatan itu diluaskan seboleh-bolehnya segenap kawasan, misalnya, di negeri Perlis di pekan Kangar, Simpang 4, Arau, Kuala Perlis, Kaki Bukit patut diadakan lagi beberapa kawasan kecil yang bakal menjadi pekan-pekan kecil, misalnya, di tempat saya kawasan Mata Air dan beberapa tempat lagi. Jadi dengan ditubuhkan jawatankuasa kecil di bawah Majlis Tempatan dan peruntukannya patut juga diberi oleh Kementerian berkenaan kerana, Tuan Yang di-Pertua, kata berharap Majlis Tempatan mencantikkan bandar menjaga kebersihan. Kebersihan itu, Tuan

Yang di-Pertua, bukan sahaja perlu dalam Majlis Tempatan atau dalam bandar sahaja, bahkan kebersihan kerap kali dijaga oleh Majlis Tempatan dan perbandaran perlu pada tiap-tiap tempatan kerana kebersihan yang ada pada manusia dia tak pilih tempat. Jadi saya harap jawatankuasa Majlis Tempatan ini selain daripada yang ada hari ini menubuhkan beberapa jawatankuasa tempatan lagi kepada mukim dan sebagainya. Matlamatnya, Tuan Yang di-Pertua, yang besar sekali untuk menjaga kebersihan kerana kebersihan adalah sebagai satu alat menjaga keselamatan dan kesihatan kepada manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Majlis Tempatan ini juga saya dapati kadang-kadang kakitangannya tak cukup, misalnya Merinyu Majlis Bandaran atau Majlis Tempatan. Jadi ini saya harap kepada tempat yang kurang pegawai, saya percaya hari ini masih kurang, hendaklah ditambahkan banyak lagi pegawai, termasuk merinyu sekali untuk memeriksa kawasan parit yang masih kotor sebagaimana saya katakan tadi. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kalau boleh ahli-ahli Majlis Tempatan khasnya kepada pegawai dan kakitangan diadakan kursus khasnya seperti kursus pegawai Kerajaan di Intan. Kalau dapat Tuan Yang di-Pertua, patutlah dibuat juga kepada kakitangan yang ada Majlis Tempatan seluruh Malaysia diadakan kuasa sebagaimana saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat patutlah kakitangan khasnya pekerja-pekerja umum ataupun buruh Majlis Tempatan hendaklah diadakan pakaian seragam kepada ahli-ahlinya supaya senang dicam orang yang berkenaan di atas kakitangan-kakitangan yang bekerja di dalam Majlis Tempatan yang saya katakan tadi.

Begitu juga alatan-alatan Majlis Tempatan itu kadang-kadang itu tak cukup untuk mencuci dan sebagainya. Saya berharap segala alat untuk mencuci kenderaan dan sebagainya supaya mencukupi dan saya berharap juga tiap-tiap Majlis Tempatan selain daripada kebersihan hendaklah juga menjaga keindahan alam. Jadi maksud saya biarlah pokok yang patut dikekalkan tak usahlah ditebang dalam Majlis Tempatan kecuali kalaulah didapati pokok itu membawa bahaya. Saya berasa dukacita

kadang-kadang satu-satu pokok yang tak begitu bahaya ditebang oleh pihak Majlis Tempatan kemudian ditanam pula pokok yang kecil yang kita tahu satu-satu pokok itu akan memakan masa begitu lama untuk menjadi pokok yang rindang dan cantik ditengok dan menjadikan hawa yang baik dengan ada pokok tadi. Diharap selain daripada menjaga kebersihan keindahan satu-satu bandar atau tempat itu diawasi juga oleh pihak Majlis Tempatan dengan menanam pokok dan pokok yang sedia ada itu kalau boleh janganlah ditebang kecuali kalau membawa bahaya dan sebagainya.

Selain daripada itu, saya harap dinaikan gaji ataupun elaun ahli-ahli Majlis Tempatan dan pegawai Majlis Tempatan patutlah dikaji semula terutama buruh kerana mereka selain daripada bekerja begitu teruk, biarlah saya bercakap terus terang, gaji mereka patut dikaji dan dinaikkan. Tuan Yang di-Pertua, walaupun mereka bukanlah pekerja pergi berperang sebagai askar dan polis tetapi mereka bekerja mengharungi kejijikan manusia, maaf Tuan Yang di-Pertua, saya katakan kejijikan. Jadi segala parit yang busuk dicuci, tempat-tempat bilik air (toilet) ataupun jamban-jamban inilah kerja buruh tempatan. Walaupun mereka tidak bekerja dalam bahaya tetapi bekerja dalam satu keadaan yang tidak begitu menyenangkan. Saya percaya kepada setengah orang, Tuan Yang di-Pertua, gaji banyakkun dia tak sanggup bekerja macam kakitangan buruh Majlis Tempatan dan bandar. Maka dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, mereka sentiasa menghadapi keadaan kejijikan, kadang-kadang kesihatan merekapun tidak terjamin kerana selalu pergi ke tempat-tempat yang kotor sebagaimana saya maksudkan tadi. Walaupun mereka tidak memegang senjata dan sebagainya tetapi mereka juga memerangi dan membersihkan benda-benda kotor, maka dengan bersih itu menyebabkan manusia sihat dan sebagainya. Inilah satu khidmat yang cemerlang yang telah dilaksanakan oleh kakitangan buruh, pegawai-pegawai dan ahli-ahli Majlis Tempatan. Saya berpendapat kalaulah pihak lain elaunnya telah dinaikkan sebagainya maka patutlah gaji ahli-ahli Majlis Tempatan ini dikaji semula mengikut keadaan yang sesuai sama dengan apa yang dinaikkan oleh tiap-tiap jabatan Kerajaan hari ini. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Pasir Puteh.

5.07 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta untuk memberi kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang tersusun semula pemberian tahunan melalui Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu untuk membantu pihak-pihak berkuasa tempatan bagi menyenggara pentadbiran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan merujuk kepada negeri Kelantan merupakan negeri yang pertama yang menyusun semua Kerajaan Tempatan dengan dinamakan Majlis Daerah bagi tiap-tiap daerah dan juga Majlis Bandaran yang disusun semula telahpun wujud di negeri Kelantan apabila Kerajaan Barisan Nasional memerintah di sana.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Daerah yang disusun semula itu di peringkat permulaan ini memanglah di dalam keadaan yang serba-serbi kekurangan iaitu tidak cukup kakitangan, tidak cukup kewangan, tidak cukup peralatan dan tidak cukup pegawai mahir. Dengan keadaan inilah peruntukan yang diberi kepada Kerajaan Negeri ini akan dapat menolong Majlis Daerah ini berkembang dengan lebih baik lagi atau berkembang dengan lebih cepat lagi kepada memberi kemudahan-kemudahan kepada penduduk-penduduk di daerah-daerah atau di bandar telah ditubuhkan Majlis Daerah. Sebenarnya apabila Majlis Daerah ini ditubuhkan kawasan lingkungannya lebih besar daripada Majlis Bandaran dahulu. Dan ini bermakna tanggungjawab Majlis Bandaran dahulu. Dan ini bermakna tanggungjawab Majlis Daerah ini adalah lebih berat berkehendakkan satu majlis yang disusun semula ini adalah lebih berkehendakkan satu kerja ataupun satu tugas yang lebih dedikasi lagi supaya apa yang ditimbulkan di dalam pentadbiran Majlis Daerah selama ini adalah tidak memuaskan tetapi apabila dibesarkan kawasan itu keadaan tidak memuaskan itu menjadi kebimbangan kepada kita akan bertambah tidak memuaskan. Dengan sebab itulah pemberian kewangan ini hendaklah dilakukan dengan secepat mungkin kerana sebagaimana saya katakan tadi kita tidak ada peruntukan dan Majlis Daerah yang selama

ini tidak mencukupi peruntukan untuk menanggung di dalam segala hal bukan sahaja membuat pembangunan, tetapi untuk mentadbirkan sebuah bangunan daerah itupun tidak mencukupi kewangan.

Jadi dengan pemberian ini adalah paling baik sekali untuk kita memperbesarkan Majlis Daerah ini dan memberi perkhidmatan yang efficient kepada penduduk-penduduk bandar yang selama ini dahagakan kepada perkhidmatan yang lebih baik. Selalunya di bandar-bandar besar memang perkhidmatan-perkhidmatan ada dan lebih baik, tetapi di bandar-bandar kecil, di bandar-bandar peringkat daerah perbuatan ini kekurangan dan ini selalunya disungutkan oleh penduduk-penduduk bandar yang membayar cukai dan yang membayar segala-galanya yang berkaitan dengan cukai bandar ini. Kalau tidak puas hati yang selama ini timbul hendaknya tidak akan berlanjutan dengan penambahan kewangan yang diberikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga supaya pemberian yang diberi ini hendaklah di dalam peringkat pertama ini pihak Kerajaan Tempatan diberi secara geran iaitu sebagai peringkat berapa lama geran ini diberi bagi menyelaraskan pentadbiran dan juga pembangunan yang boleh memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk bandar di peringkat pertama. Di samping itu juga sekali lagi saya tegaskan di sini walaupun telah saya menyebutkan pinjaman tanpa faedah diberi untuk Pembangunan bandar bagi Majlis Daerah ini untuk membina bangunan-bangunan yang boleh mendatangkan hasil jangka panjang kepada Majlis Daerah itu kerana pemberian geran ini tidak selamanya akan ditanggung oleh pihak Kerajaan Tempatan, tetapi pada satu masa Majlis Daerah ini akan hidup dengan cara berdikari, akan hidup dengan cara persendirian maka pemberian-pemberian pinjaman tanpa faedah ini akan menguntungkan kepada Majlis Daerah bagi membuat pembangunan-pembangunan di dalam daerah itu kerana ini bukan sahaja meringankan bebanan Kerajaan Tempatan dalam jangka yang panjang bagi memberi memperuntukan kepada Majlis Daerah, tetapi akan menguntungkan kepada Majlis Daerah itu sendiri dengan adanya kewangan atau punca-punca kewangannya sendiri.

Di dalam hal ini sekali lagi saya menyebutkan bahawa geran-geran pelancaran dan geran-geran tahunan hendaklah dihantar

dalam jangka yang segera, dalam masa awal tahun bukan dalam masa akhir tahun sebagaimana yang telah berlaku dalam dua tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pembangunan jangka panjang Majlis Daerah ini hendaklah mempunyai satu perancangan yang boleh mendatangkan hasil dan juga perancangan yang boleh memberi keelokan kepada bandar, bukanlah satu-satu perancangan itu kalau kita memikir untuk mendatangkan hasil sahaja tanpa memikir keelokan kepada bandar atau dalam Majlis Daerah itu, ini merupakan satu akibat yang akan menyusahkan kepada pembangunan bandar selanjutnya pada masa akan datang. Dengan itulah beberapa kali saya menyebutkan kalau pihak Kementerian tidak mahu mengadakan pelan induk kepada tiap-tiap bandar, setidak-tidaknya pihak Kerajaan Tempatan ini mengarah supaya Majlis Daerah itu mengadakan pelan kedudukan bandar yang sesuai, kerana kadang-kadang kalau kita sebut pelan induk ini terlampau besar. Jadi bunyinya susah, begitu complicated, hendak pakai consultant sana, consultant sini, tetapi apabila kita sebut pelan kedudukan bandar itu rasanya senang sedikit dan ini boleh dilakukan segera dengan adanya pakar-pakar yang ada dalam negara kita bagi menentukan kedudukan bandar, janganlah sebagaimana pernah saya katakan bandar dan perancangan ini dibuat mengikut sesuka hati Pegawai Daerah yang ada, dan Pegawai Daerah ini tidak semuanya mahir dalam bahagian perancangan. Kalau kena yang tidak mahu dengar pendapat orang lain, maka perancangan itu dibuat mengikut kehendaknya sahaja. Jadi inilah merupakan satu perancangan yang boleh disusun oleh pihak ini supaya perancangan-perancangan bandar itu mengikut satu pelan kedudukan bandar yang baik.

Saya suka juga hendak menyentuh tentang Undang-undang atau Akta 1971 Kerajaan Tempatan yang sekarang ini telah berlawanan dengan Municipal Enactment 1938 Rules, dengan izin, bagi Kerajaan Negeri Kelantan di dalam pemberian lesen. Perkara ini telah menimbulkan implikasi yang tidak baik apabila di dalam Municipal Enactment 1938 telah menyebutkan bahawa kuasa Yang di-Pertua Bandaran untuk menentukan pengeluaran lesen dan segala bayaran dengan sesuka hati tanpa dirujuk kepada Majlis Daerah. Tetapi dalam Akta 1971 Kerajaan Tempatan telah menyatakan pemberian

lesen dan segala-gala pembayaran adalah tertakluk kepada Majlis Berkuasa Tempatan ataupun dengan kata lain Majlis Daerah Tempatan itu. Walaupun boleh dirujuk kepada Menteri Besar, tetapi saya meminta supaya Kerajaan Tempatan ini membuat segera satu ketetapan atau Enactment Kerajaan Tempatan 1971 bagi menjalankan peraturan-peraturan tertentu di dalam menadbirkan Majlis Daerah ini supaya tidak berlawanan perkara ini, kerana implikasi ini adalah amat besar sebagaimana yang berlaku di Pasir Puteh, iaitu pengeluaran lesen kepada Supermarket di Pasir Puteh yang telah mengakibatkan 60 penjual-penjual kain atau penjual-penjual di pasar terlibat kerana penubuhan Supermarket dan lesen-lesen diberi kepada satu syarikat untuk membuatkan Supermarket di Pasir Puteh di tempat yang kecil, tetapi akibatnya merosotkan kepada 60 peniaga-peniaga kecil. Benar lesen ini boleh dibatalkan tiap-tiap akhir tahun, tetapi implikasi setelah menarik balik lesen itu ialah mungkin pekerja-pekerja di Supermarket itu akan membawa sepanduk dan berjumpa dengan Wakil Rakyat atau mungkin kepada pihak Menteri sendiri untuk meminta supaya lesennya jangan ditarik balik. Inilah implikasi yang berlaku apabila satu-satu peraturan dilakukan itu tanpa dihalusi dengan Enactment Kerajaan Tempatan yang baru dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab dan ini telah menimbulkan implikasi yang buruk di tempat saya sendiri.

Selain daripada itu saya suka juga hendak menyebut beberapa perkara tentang kesihatan bandar, walaupun perkara ini telah disebutkan oleh Wakil dari Kangar, tetapi efficient atau tidaknya pentadbiran bandar itu dapat dilihat daripada kebersihan bandar itu, kalau bandar itu kotor tak usaha kita hendak cakup bagaimana efficientnya pentadbiran atau perkhidmatan Majlis Daerah atau Bandaran itu, kalau bandar itu kotor sudah tentu kita menggambarkan bahawa pentadbiran bandar itu adalah tidak cekap dan tidak memberi perkhidmatan yang efficient kepada rakyat. Dengan sebab itu kita hendaklah mengadakan kakitangan yang cukup ataupun mengadakan satu kekurangan yang kita alami sekarang supaya dapat menambah, supaya memberi perkhidmatan yang cukup di dalam kebersihan bandar ini. Misalnya memang kita dapati bahawa di dalam kursus berkenaan dengan kesihatan atau kebersihan ini Health Inspector ini adalah berkurangan sekarang ini, tiap-tiap bandar tidak mempunyai seorang

pun, kadang-kadang seorang Merinyu Kesihatan (Health Inspector) ini akan menjaga dua buah bandar, maknanya habis masa itu dalam perjalanan sahaja. Jadi akibat inilah menyebabkan keadaan bandar itu tidak dapat disediakan dengan keadaan yang lebih baik atau diperhatikan dengan keadaan yang lebih baik.

Dengan sebab itu saya mencadangkan pihak Kementerian ini supaya memberi latihan professional khas kepada pegawai-pegawai tertentu; Health Inspector ini memang mempunyai latihan, tetapi kepada mereka yang tidak mempunyai latihan ini supaya melatih lebih ramai lagi untuk mewujudkan Health Inspector ini untuk menjaga kebersihan. Latihan-latihan ini hendaklah latihan professional, bukan latihan ijazah atau latihan-latihan yang tinggi. Cuma latihan ini biarlah di peringkat Diploma misalnya dan diberi gaji dalam Kumpulan "B". Ini adalah lebih baik daripada memberi gaji di peringkat perkeranian yang lebih rendah kerana tanggungjawab dan juga kebersihan bandar adalah menggambarkan sebagai cermin pentadbiran bandar itu baik atau buruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak mengingatkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa diskriminasi politik akan lebih kuat berlaku kalau DAP memerintah dalam negara ini. Jadi daripada ini kita dapat lihat sendiri dengan tingkah-laku pemimpinnya yang berlaku besi, yang diktator, sudah tentu diskriminasi politik ini akan lebih berlaku kalau sekiranya DAP yang memerintah negara ini. Kerajaan akan memberi nikmat kepada orang-orang atau rakyat yang menyokongnya. Ini adalah satu perkara yang wajar dan sepatutnya.

Tuhan ataupun Allah subhanahu wataala sendiri adalah yang maha adil, tidak siapa yang dapat menafikan keadilanNya tetapi ia memberi nikmat kepada hambaNya yang taat kepadaNya. Sebaliknya Allah subhanahu wataala akan menurunkan bala atau siksa kepada hambaNya yang tidak menurut perintahNya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara ini ialah berkenaan dengan penyenggaraan Kerajaan Tempatan dan juga berkenaan dengan pemberian, bukanlah berkenaan dengan falsafah atau ideologi. Tolong pendekkan ucapan itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menunjukkan adil atau tidak adilnya Kerajaan kita sekarang. Tuhan lagi memilih orang yang taat kepadaNya, inikan pula Kerajaan manusia yang mentadbirkannya. Ini tidak payah dipersoalkan. Ini akan berlaku lebih dahsyat lagi kalau bukan Barisan Nasional yang memerintah.

Saya mengesyorkan supaya kita menggunakan sepenuhnya kuasa kita ketika kita masih berkuasa tetapi kita tidak tahu apa mereka akan lakukan apabila orang lain berkuasa di negara ini. Ini terbukti di Kelantan parti Pembangkang PAS telah menggunakan sepenuh kuasanya dan telah menggunakan berbagai-bagai cara di dalam pembahagian tanah Allah Subhanahu wataala, tanah kepunyaan Tuhan pun dibahagi untuk kepentingan politik. Menggunakan tanah ini adalah perkara yang lebih dahsyat daripada hanya pemberian grant seperti ini, tidak payah memilih untuk orang mengatakan kita adil tetapi apa yang kita buat ini adaah demi untuk keadilan bagi Kerajaan Barisan Nasional. Tetapi saya rasa keadaan ini lebih buruk di dalam Kerajaan kita kalau sekiranya Barisan Nasional tidak memerintah kerana dengan berpihaknya pemimpin-pemimpin yang cuba hendak menegur kita itu yang mudah panas darah misalnya, yang tidak bertanggungjawab, ludah selepas itu jilat balik sebelum air liurnya kering. Jadi ini merupakan tanda-tanda apabila mereka ini memegang kuasa dalam negara ini keadaan yang tidak adil akan wujud dan pentadbiran yang tidak seimbang akan lahir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak usahlah meleret-leret bercakap. Teruskan sahaja kepada kenyataan dalam perbahasan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Sebenarnya saya hendak menerangkan sedikit tentang kedudukan keadilan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Selalu sangat diulang-ulang.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Begitu jugalah saya katakan kita tidak perlu mengadakan pilihanraya, kerana apa yang kita buat dalam Majlis Daerah ini merupakan kita tiru daripada pemerintahan kuku besi

yang dibuat oleh DAP sendiri, kerana DAP tidak menggunakan pilihanraya, tetapi menggunakan lantikan, maka pilihanraya Majlis Tempatan juga tidak payah kita menggunakan pilihanraya, kerana apa yang kita buat sekarang ini kita tiru daripada pihak Pembangkang yang telahpun membuat perkara ini.

Dengan perkara ini saya rasa janganlah kita tertipu kerana mereka ini cuba hendak berkuasa di dalam Majlis Tempatan ini melalui kempen-kempen atau isu-isu dan juga hendak menarik hati rakyat untuk menang supaya mereka dapat kuasa. Apabila mereka dapat kuasa itu dengan isu-isu yang negatif ini bukan sahaja boleh membaiki bandar itu tetapi boleh merosakkan keadaan perancangan bandar dan juga pentadbiran bandar itu, kerana sudah tentu sifat-sifat mereka ini adalah bersifat negatif yang tidak akan menguntungkan kita kalau mereka itu berada di dalam mana-mana Kerajaan Tempatan atau mana-mana Majlis Daerah atau mana-mana Majlis Perbandaran.

Dengan ini saya menyokong bahawa Rang Undang-undang ini diluluskan dan peruntukan pinjaman ini diperbanyakkan di kawasan-kawasan Barisan Nasional menang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.37 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap sedikit sebanyak di dalam menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa sanya menurut Fasal 3 Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan maka dengan ini pihak Kerajaan Pusat bercadang hendak memberi pertolongan kepada pihak-pihak Kerajaan Tempatan dalam bentuk Majlis-majlis Tempatan atau Majlis-majlis Daerah sebagaimana yang wujud pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sesuatu pentadbiran itu sama ada bagi Majlis Daerah ataupun mana-mana pentadbiran maka beberapa faktor adalah sangat berkait rapat dan perlu diperhatikan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Sebelum saya menyentuh faktor-faktor ini, Tuan Yang di-Pertua, maka rasanya tidak adil kalau saya tidak menyampaikan sekalungan bunga tahniah dan terima kasih kepada Kementerian dan Kerajaan Pusat kerana dengan usaha-usaha sejak tahun 1978 atau 1979 lagi telah menyelamatkan keadaan-keadaan yang terbiar di luar-luar bandar terutama sekali melalui Majlis-majlis Tempatan atau Majlis-majlis Daerah. Kalau sebelum daripada ini, Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendengar bahawa keadaan sampah-sarap di setengah-setengah Majlis Daerah tidak terpungut, kita selalu dengar bahawa keadaan jalan-jalan di bawah kawalan Majlis-majlis Daerah tidak terbelah; kita selalu dengar keadaan-keadaan bekalan perkara-perkara yang asas kepada rakyat di kawasan tersebut tidak terbuat kerana tidak mampu di segi kewangan oleh Penguasa-penguasa Tempatan. Dan seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai cerita yang negatif yang tidak memberangsangkan selalu kita dengari daripada kawasan-kawasan luar bandar terutama sekali yang cuba mengamalkan Kerajaan Tempatan sama ada dalam bentuk Local Council ataupun Majlis-majlis Bandaran.

Cerita ini, Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali ketara di negeri Kelantan, sehingga kedapatan ada setengah-setengah pihak Kerajaan Tempatan atau Local Council tersebut tidak mampu untuk mengepam air naik, apatah lagi untuk menyampaikan air kepada penduduk-penduduk di kawasan mereka itu. Ini adalah yang pertama mungkin kerana mereka kekurangan kewangan, ataupun kerana mereka kekurangan dari segi pengurusan atau mereka kekurangan dari segi kakitangan ataupun mereka kekurangan dari segi segala-galanya, maka sesuaiilah dengan Rang Undang-undang ini adalah merupakan sebagai satu penyelamat. Walaupun saya tidak hendak membandingkan dengan lampu ajaib Aladdin, tetapi sebagai satu penyelamat kepada tempat-tempat sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Di dalam hal ini, untuk menjayakan Majlis Daerah atau Kerajaan-kerajaan Tempatan ini maka beberapa aspek perlu diperhatikan sama ada oleh pihak Kementerian Kerajaan Tempatan ataupun oleh pihak Kerajaan Negeri mahupun oleh pihak Majlis Daerah itu sendiri. Antara lainnya, soal kewangan, soal kakitangan, soal

perancangan, soal peralatan dan tidak kurang juga soal sistem atau approach pentadbiran. Di dalam lingkungan tajuk-tajuk inilah saya pohon izin hendak meneruskan ucapan saya pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kewangan sebab-sebab kepada sebahagian daripada perkara-perkara yang saya telah sebutkan tadi maka berlakunya kekurangan-kekurangan kepada kebanyakan daripada Majlis-majlis Tempatan atau Majlis Perbandaran di kawasan-kawasan yang tidak ekonomik, misalnya, di kawasan-kawasan luar bandar ialah lantaran kurangnya kewangan. Kekurangan kewangan ini bukan sahaja berpunca kerana Majlis Daerah atau Kerajaan Tempatan itu tidak mempunyai cukup hasil tetapi juga tidak dapat hasil dicari kerana tidak ada punca yang boleh mendatangkan hasil di tempat itu kiranya tiada wang yang boleh dipump-in dari sources atau punca-punca yang lain misalnya sebagaimana yang dicadangkan atau yang dibuat oleh Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada hari ini. Dengan cara kewangan ini maka dapatlah Majlis-majlis Tempatan berjalan dengan baik.

Perkara kedua ialah soal kakitangan. Kita dapati setakat hari ini kebanyakan daripada Majlis-majlis Daerah atau sebelum daripada ini Majlis-majlis Tempatan sangat kurang mempunyai kakitangan oleh sebab boleh jadi kerana tiada kewangan ataupun sebab-sebab yang lain. Lantaran kekurangan kakitangan inilah maka banyak kerja-kerja terbengkalai dan kalau hendak dikaitkan dengan soal kewangan hatta kepada habuan kepada Ahli-ahli Majlis Tempatan itupun pada masa dahulu tidak dapat dibayar. Ini berlaku pada setengah-setengah tempat. Maka dari segi kakitangan ini saya minta pihak Kementerian berkenaan atau pihak Kerajaan Negeri melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memikirkan iaitu untuk menentukan Majlis-majlis Daerah atau Kerajaan-kerajaan Tempatan itu benar-benar berjalan atau berfungsi dengan baik dan akan menjadi

produktif maka hendaklah kakitangan di Majlis-majlis Daerah itu diperlengkapkan. Misalnya, saya berterima kasih sekurang-kurangnya di tempat saya Majlis Daerah Tanah Merah, Kelantan, Majlis Daerah ini telah mula akhir-akhir ini mempunyai seorang Setiausahanya sendiri dan tidak lagi meminjam atau ditolong oleh pihak Pejabat Daerah dengan meminjamkan seorang ADO bekerja sambilan.

Selain daripada itu oleh sebab Majlis Daerah ini adalah luas maka perlu diadakan sekurang-kurangnya seorang Pembantu Teknik. Technical Assistant, sekurang-kurangnya seorang, ini terpulanglah kepada keluasan atau berapa banyak atau berapa luas kawasan yang diliputi oleh Majlis Daerah yang berkenaan. Walau bagaimanapun, seorang T.A. ini jauh daripada mencukupi, sudah tentu satu tahap yang ideal ialah Majlis Daerah ini mempunyai seorang engineer, seorang arkitek dan sebagainya tetapi buat permulaan mengadakan seorang T.A. qualificationnya seperti JKR bukan T.A. dalam bidang lain yang bekerja sepenuh masa dengan Majlis Daerah memadai. Di samping itu saya tidak menafikan bahawa walaupun Majlis Daerah ini akan berjalan dengan sendirinya tetapi usaha-usaha atau kerja-kerja penolong kerja-kerja bantuan (back up) dari pihak JKR dan lain-lain agensi Kerajaan di Daerah-daerah berkenaan adalah diperlukan tetapi dari segi JKR oleh sebab JKR pada hari ini boleh dikatakan over-loaded maka tidak dapat diharapkan sangat oleh pihak Majlis Daerah kiranya perkara-perkara kecil misalnya untuk menyelia keadaan jalan-jalan yang diberi kontrak atau untuk melihat sama ada jambatan-jambatan yang di bawah kelolaan Majlis Daerah itu masih boleh dipakai ataupun seumpamanya itu maka ini adalah di antara kerja-kerja yang patut dijalankan sendiri oleh Majlis Daerah dan ini mungkin boleh dijalankan oleh T.A. yang saya maksudkan tadi.

Selain daripada itu, kakitangan juga kita harapkan dalam bidang kesihatan sama ada seorang Health Inspector. Sudah tentu perkara ataupun tahap yang ideal ialah kita

mempunyai pegawai-pegawai kesihatan ataupun doktor tetapi mungkin kalau kita mengharapkan setiap Majlis Daerah di dalam negara ini yang berjumlah agak banyak juga mengharapkan dapat mencari doktor-doktor untuk bekerja di bidang kesihatannya walaupun kewangan dibantu atau disetujui oleh pihak Kementerian atau Kerajaan Negeri berkenaan lantaran keadaan kekurangan doktor-doktor di negara ini, maka ini akan merupakan sebagai mimpi di siang hari sahaja.

Dengan hal yang demikian, saya menca-dangkan buat sementara waktu memadai mengadakan seorang Health Inspector sekurang-kurangnya atau beberapa orang Health Inspector hendaklah diletakkan di bawah Majlis Daerah. Sudah tentu Health Inspector ini tidak akan bekerja bersendirian atau independent daripada pihak berwajib kesihatan di daerah-daerah masing-masing. Health Inspector ini hendaklah ditugaskan sekadar mengesan punca-punca yang boleh membawa atau mengakibatkan kesan yang tidak baik dari segi kesihatan dan penge-sanan ini setelah didapati hendaklah dikemukakan kepada pihak Majlis Daerah dan terpulanglah kepada Majlis Daerah untuk menentukan sama ada Majlis Daerah sendiri mampu untuk mengatasinya ataupun perkara ini adalah terlalu berat bagi Majlis Daerah dan ianya terpaksa diserahkan kepada Pejabat-pejabat Kesihatan atau doktor-doktor Kerajaan Tempatan.

Selain daripada itu dalam masalah kakitangan juga sudah tentulah kita berkehendakkan kakitangan yang lain supporting staff sama ada dalam bentuk perkeranian atau bentuk buruh dan sebagainya yang mencukupi. Kadangkala kita lupa bahawa peranan yang dimainkan atau yang digerakkan oleh golongan perkeranian ini adalah penting juga jika dibandingkan dengan golongan yang lain samalah juga dengan golongan buruh dan sebagainya.

Di dalam hal ini saya hendak menarik perhatian bahawa kakitangan ini hendaklah diberi latihan. Tidak cukup kalau sekadar kita mengambil kakitangan ini, kita recruit mereka ini tanpa diberi latihan yang secukupnya. Umpamanya, kita tidak dapat jaminan bahawa kerani-kerani yang kita recruit atau kita ambil itu dapat menjalankan kerja-kerja dengan baik dari segi menyimpan kira-kira

umpamanya baik account clerk atau untuk kerja-kerja lain sekiranya latihan-latihan yang secukupnya tidak diberi kepada mereka itu. Adalah lebih baik bagi Majlis-majlis Daerah yang belum lagi mempunyai kerani-kerani atau staff mereka yang terlatih walaupun sudah berjalan dua tahun atau lebih patut mereka mulakan latihan kepada kerani-kerani mereka itu. Kalau mereka tidak mampu untuk mengadakan serentak beberapa orang kerani maka hendaklah mereka bergilir-gilir, misalnya, hantar seorang demi seorang supaya kerja-kerja harian tidak terganggu lantaran latihan yang dijalani oleh pegawai-pegawai atau kakitangan mereka itu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, pernah juga saya memberi pandangan kepada pihak-pihak Majlis Daerah di kawasan saya supaya setiap kakitangan sama ada seseorang itu menjadi pemandu atau menjadi buruh hendaklah mereka ini diberi latihan mengikut kadar masing-masing. Saya cadangkan, latihan-latihan ini dijalankan kalau dari segi yang memerlukan kemahiran misalnya drebar hendaklah dihantar ke pusat-pusat JKR sekurang-kurangnya sebulan kerana terlalu banyak berita-berita yang kita dengar bukan melalui Majlis-majlis Daerah tetapi daripada agensi-agensi lain umpamanya Logi Pembangunan Daerah bukan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Drebar-drebar yang dipakai oleh Unit Logi Pembangunan Daerah pada suatu masa dahulu tidak dapat menjalankan kerja-kerja dengan betul kerana pemandu-pemandu tidak mahir dengan keadaan jentera yang hendak mereka bawa itu. Sebelum terlewat maka segala jentera yang digunakan oleh Majlis Daerah ini hendaklah dipandu oleh mereka yang benar-benar diberi latihan dan mendapat latihan yang sepatutnya didapati daripada pihak JKR.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh soal peralatan. Sejak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masuk campur dengan kerja-kerja Majlis-majlis Daerah atau Kerajaan Tempatan khususnya di negeri Kelantan mulai 1hb Januari, 1979 ketara sekali pada hari ini peralatan-peralatan yang digunakan oleh Majlis-majlis Daerah telah kelihatan di sana-sini sama ada dalam bentuk lori-lori atau dalam bentuk tong-tong sampah atau lain-lain, ertinya peralatan ini adalah sangat penting.

Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian ini agar menasihatkan Majlis-majlis Daerah yang kini telahpun menempatkan tong-tong sampah yang besar-besar di luar bandar. Apalah salahnya tong-tong sampah ini jangan dibuat daripada besi kerana kita tahu, besi senang berkarat dan mungkin dalam masa setahun atau dua tahun terpaksa dibaiki atau sekurang-kurangnya dicat semula. Apalah salahnya kita kembalikan kepada kaedah pada suatu masa dahulu tong-tong sampah yang besar ini hendaklah dibuat dengan simen, kalau tidak dirosakkan angkara hooliganism maka tong-tong sampah ini mungkin sekurang-kurangnya dapat kekal sampai 10 tahun. Sekurang-kurangnya akan menyelamatkan keadaan kewangan Majlis Daerah ini apabila habis 10 tahun nanti Majlis Daerah adalah diharapkan berdikari dan tidak lagi mengharapkan launching grant daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Selepas ini saya kembali kepada masalah 10 tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan bahawa masalah-masalah peralatan ini hendaklah juga diawasi tentang pembe-liannya. Oleh sebab pada hari ini, Majlis-majlis Daerah adalah dibenarkan membeli peralatan-peralatan mengikut quotation ataupun mengikut tender yang dibuat sendiri oleh mereka itu. Maka satu sistem penyela-rasan hendaklah dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam masalah pembelian peralatan ini. Saya tidak mencadangkan misalnya seperti pungkis ataupun penggali kerana ini perkara kecil-kecil, tetapi saya tujukan kepada jentera-jentera yang besar, logi-logi yang besar. Ini perlu diadakan pengawasan. Misalnya apalah salahnya, kita mengadakan satu kaedah penyelarasan di peringkat negeri. Saya tidak mencadangkan di peringkat kebangsaan kerana central tender di peringkat kebangsaan ini akan melambatkan kerja-kerja yang akan dijalankan oleh Majlis Daerah. Hendaklah sepatutnya kita selaraskan di peringkat negeri supaya tidak jauh sekali perbezaan di antara kos-kos sebuah bulldozer daripada Majlis Daerah A yang dibeli oleh Majlis Daerah A dengan sebuah bulldozer yang dibeli oleh Majlis Daerah B dan kiranya perbezaan ini ketara maka perlu pihak yang bertanggungjawab memberikan launching grant yakni Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan cuba melihat-lihat kenapa dan fasal apa perkara ini berlaku dan

mungkin sesuatu penalty yang tertentu diberi kepada mereka itu kiranya dapat kesalahan di dalam memberi launching grant yang selanjutnya pada tahun-tahun yang akan datang.

Seterusnya mengenai masalah pentadbiran. Masalah pentadbiran ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah masalah manusia. Pada hari ini kita dapati Yang di-Pertua Majlis Daerah adalah dengan sendirinya datang daripada Pegawai Daerah. Saya rasa ini adalah satu perkara yang baik, kerana sesuatu projek dalam satu daerah itu tidak akan berjalan dengan betul kiranya tidak ada penyelarasan dengan Pejabat Daerah sendiri. Dan memangnya inilah merupakan satu rahsia kenapa Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, bekas Perdana Menteri kita telah memulakan kaedah Jawatankuasa Tindakan dan Pembangunan Daerah di mana segala pembangunan di sesuatu daerah itu hendaklah diselaras atau dimonitorkan oleh Pegawai Daerah atau Pejabat Daerah sendiri.

Saya mencadangkan supaya kaedah Yang di-Pertua Majlis Daerah ini adalah terdiri daripada Pegawai Daerah berkenaan hendaklah dikekalkan. Selain daripada itu, saya juga mengharapkan bahawa dari segi pentadbiran Majlis Daerah ini maka hendaklah selain daripada soal-soal latihan yang saya sebutkan tadi maka perlu juga diadakan satu seminar ataupun perbincangan secara kelompok di kalangan pegawai-pegawai yang rakan sejawat kalau saya boleh gunakan istilah rakan sejawat bererti counterpart. Misalnya Setiausaha-setiausaha Majlis Daerah di dalam sebuah negeri umpamanya negeri Kelantan dalam masa 3 bulan sekali mereka ini mengadakan perbincangan dan perbincangan-perbincangan ini, insya Allah mereka dapat mengesan tentang kelemahan-kelemahan di sesuatu daerah. Mungkin juga akan dapat dikesan kebaikan-kebaikan dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai di satu daerah yang lain dan dengan cara demikian pertukaran maklumat ini ianya dapat memberi keuntungan kepada semua pihak. Sudah tentu, kepada pihak Yang di-Pertua ataupun Pengerusi Majlis Daerah itu sendiri perkara ini dapat dipertimbangkan juga.

Selain daripada itu hendaklah juga diadakan sekali sekala seminar atau perbincangan di peringkat sedikit bawah misalnya peringkat T.A. atau di peringkat Health Inspector ataupun peringkat Pegawai Kewangan atau

sebagainya. Dengan cara yang demikian ini, maka saya percaya banyak masalah-masalah yang boleh dapat diatasi kerana masih ada lagi pada hari ini di antara pegawai-pegawai Kerajaan kita yang kurang berani untuk melangkaui sesuatu perkara selain daripada perkara yang tercatat di dalam General Orders walhal perkara ini perlu disegerakan. Dengan lain-lain perkataan

Tuan Yang di-Pertua: Jauh sangat sampai mengadakan seminar ini. Sila teruskan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, mengadakan seminar bagi kakitangan-kakitangan Majlis Daerah untuk menjamin efficiency dan productivity mereka itu. Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan tadi dengan cara demikian mungkin masalah red tape yang tidak perlu dilaksanakan di setengah-setengah tempat Majlis Daerah itu dapat diatasi.

Selain daripada itu saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, patut juga diperhatikan sekali sekala diadakan perjumpaan di peringkat kebangsaan misalnya dalam masa dua tahun sekali diadakan perjumpaan di peringkat kebangsaan untuk membincangkan masalah-masalah ini. Sebenarnya tidak perlu diadakan perjumpaan khas mengenai perkara ini memadai dengan diselitkan di dalam perjumpaan-perjumpaan Pegawai-pegawai Daerah yang selalu diadakan di peringkat kebangsaan sekali-sekala. Jadi, apabila perjumpaan-perjumpaan atau kursus-kursus diadakan, dijalankan untuk pegawai-pegawai Daerah di seluruh negara maka tajuk ini hendaklah diselitkan dan disamping itu sudah tentu kita dapat menyelam sambil minum air.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai kawasan-kawasan Majlis Daerah. Pada hari ini ada setengah-setengah Majlis Daerah merangkumi semua kawasan di satu daerah yang berkenaan. Dan di samping itu juga masih lagi kedapatan setengah-setengah Majlis Daerah yang tidak melingkungi atau mecakupi semua kawasan yang terdapat di dalam sesuatu daerah atau jajahan yang berkenaan. Saya ingin mencajangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya memikirkan kembali supaya semua kawasan di dalam daerah-daerah yang berkenaan hendaklah dimasukkan di bawah kuatkuasa Majlis Daerah. Kerana kita dapati ada setengah-setengah kawasan yang tidak

termasuk dalam kawasan Majlis Daerah ini mungkin tertinggalah mereka itu. Dengan itu ada kedapatan setengah-setengah kawasan yang tidak termasuk dalam kawasan Majlis Daerah tetapi mereka itu adalah lebih beruntung daripada kawasan Majlis Daerah maka keuntungan yang lebih daripada kawasan-kawasan ini hendaklah dialirkan ke kawasan Majlis Daerah yang mungkin kekurangan daripada kawasan-kawasan tersebut umpamanya FELDA Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Apalah kelebihanannya, Tuan Yang di-Pertua, FELDA ini daripada tempat lain maka ianya adalah kawasan-kawasan dikeluarkan daripada Majlis Daerah. Saya rasa, supaya tidak timbul masalah-masalah compartmentalisation di antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain maka mulai pada hari ini hendaklah kita mengadakan satu kaedah di mana kita hendaklah mengurangkan tempat-tempat di dalam satu daerah yang sama di bawah kuasa-kuasa yang lain. Dengan cara demikian, saya mengharapkan bahawa kaedah pilihanraya yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi disampaikan juga kepada Majlis-majlis Daerah atau Kerajaan-kerajaan Tempatan ini tidak patut dipertimbangkan lagi buat hari ini.

Mungkin, Tuan Yang di-Pertua, pada suatu masa akan datang bila keadaan masyarakat kita berubah, bila keadaan sosio-ekonomi kita berubah, mungkin keadaan politik kita akan berubah maka pada masa itu baharulah dapat kita fikirkan sama ada sudah sampai masanya pilihanraya-pilihanraya tempatan ini diadakan kembali. Saya mengatakan ini kerana memandangkan keadaan yang pernah berlaku dalam tahun-tahun 50an dan sehingga awal-awal 60an maka terlalu banyak kekecohan yang telah berlaku angkara daripada pilihanraya-pilihanraya Kerajaan Tempatan ini. Kerana, melalui pilihanraya ini maka berbagai-bagai perkara boleh berlaku. Pilihanraya-pilihanraya ini pernah diadakan pada tahun 50an dahulu iaitu sebelum Kerajaan Tempatan ini dibekukan dan sebelum Athi Nahappan Report pada tahun 1966 itu keluar maka pilihanraya-pilihanraya ini telah diadakan. Oleh sebab tujuan hendak mengadakan pilihanraya itu sekadar memilih wakil-wakil sahaja bukan wakil membuat dasar tetapi kebanyakannya wakil-wakil dalam Majlis Daerah ini adalah mengenai perkara yang kecil-kecil sahaja terutama sekali merangka budget, meluluskan kedai dan sebagainya, maka tidak perlu

diadakan pilihanraya ini, kerana bahang daripada pilihanraya itu harga yang kita patut bayar, harga yang perlu dibayar akibat atau bahang daripada pilihanraya itu adalah terlalu besar daripada hasil yang didapati, hasil daripada Majlis-majlis Daerah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab keadaan negara ini adalah negara yang berdemokrasi dan pilihanraya-pilihanraya majlis tempatan yang saya masih ingat lagi yang akhir diadakan dahulu di Kelantan samalah dengan keadaan pilihanraya kebangsaan, keadaan kempennya, keadaan posternya, keadaan macam-macam dengan cara simbol dan sebagainya. Apatah lagi mengingatkan bahawa keanggotaan Majlis Daerah pada hari ini ialah daripada setahun ke setahun, jadi perlu diadakan kerana mengikut kehendak Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar tadi perlu diadakan pilihanraya tahun demi tahun, ertinya dengan keadaan ini tiap-tiap tahun cerita-cerita kita di luar bandar terutama sekali atau di semua tempat hanya masalah pilihanraya sahaja. Jadi perkara ini tidak patut dipertimbangkan buat hari ini.

Bahkan juga saya mengharapkan apabila cadangan saya tadi mengenai FELDA dimasukkan di dalam Majlis-majlis Daerah maka kaedah pilihanraya untuk Jawatan-kuasa Kemajuan Rancangan FELDA itu hendaklah dihapuskan, kerana kita tidak mampu untuk membezakan FELDA dengan bukan FELDA, tidak ada anak emas dan anak tembaga dalam negara Malaysia pada hari ini. Kalau FELDA mendapat sesuatu maka yang lain juga mendapat sesuatu. Kalau orang dalam kawasan Majlis Daerah hari ini mendapat wakil-wakil mereka yang dilantik oleh pihak Kerajaan maka apalah salahnya FELDA juga melalui proses yang sama. Dan satu lagi aspek, saya rasa belum sampai masanya kita memikirkan masalah pilihanraya kepada Majlis-majlis Tempatan ini ialah, pernah berlaku dalam sejarah negara ini tidak perlu disebutkan di sini di mana kedatangan Majlis-majlis Daerah di anggotai oleh satu parti, manakala Kerajaan Negeri dikuasai oleh satu parti yang lain maka yang menjadi mangsa ialah mereka dalam Majlis Tempatan itu. Lantaran. Tuan Yang di-Pertua, Majlis Daerah adalah secara langsung di bawah Kerajaan Negeri, maka hendaklah diadakan perseimbangan, diada-

kan persefahaman di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Tempatan. Kalau sekiranya tidak ada perseimbangan maka sudah tentu pembangunan tidak dapat diadakan, pelaksanaan pentadbiran yang baik tidak dapat dilaksanakan, kerana di antara satu pihak yang mentadbir peringkat negeri yang mempunyai bulu yang lain sudah tentu tidak akan mengakorkan apa yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Tempatan yang pula datang daripada warna yang lain.

Dengan cara yang demikian juga Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bahawa dalam masalah pilihanraya ini usah kita fikirkan buat sementara ini. Cuma di dalam hal wakil-wakil yang dilantik pada hari ini, kandangkala wakil-wakil ini mungkin mereka itu kurang faham daripada selok-belok pentadbiran Kerajaan Tempatan atau sebagainya. Mungkin juga mereka patut diberi sedikit kursus mengenai Kerajaan Tempatan, ertinya menyampaikan maklumat kepada mereka itu, apakah kuasa-kuasa yang terdapat pada mereka itu selain daripada mereka mendapat habuan sedikit sebanyak tiap-tiap bulan dan tiap-tiap kali mereka menghadiri mesyuarat.

Selain daripada itu juga, Tuan Yang di-Pertua, mungkin juga mereka ini patut diberi sedikit kursus mengenai kesalahan-kesalahan kecil mengikut Ordinan Kesalahan Kecil negara kita ini. Misalnya, mungkin Ahli Majlis Daerah itu perlu tahu, apa yang akan terjadi kiranya binatang itu dilepaskan di atas jalanraya umpamanya. Mungkin mereka ini boleh diberitahu mengikut Ordinan Kesalahan Kecil yang berkenaan ini, tuan punya lembu ini mungkin didenda \$50 atau \$100 atau sebagainya. Ini adalah basic. Dengan cara itu, mereka dapat menjalankan kerja mereka itu lebih baik dan efficient sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Hussein bin Mahmood: Satu minit sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara demikian, saya mencadangkan pada tiap-tiap tahun minggu yang pertama atau yang kedua permulaan perlantikan sesuatu Majlis Daerah itu maka usaha-usaha permulaan daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab ialah

memberi sedikit kursus kepada Ahli-ahli Majlis Daerah yang saya maksudkan itu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya telah berjanji tadi saya hendak kembali kepada masalah 10 tahun. Saya telah difahamkan bahawa Majlis Daerah akan mendapat bantuan selama hanya 10 tahun sahaja dan lepas itu Majlis-majlis Daerah akan diminta berdikari. Saya minta pihak Kementerian yang berkenaan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri memikirkkan bagaimanakah caranya untuk sampai kepada matlamat apabila sampai 10 tahun ini, kalau di Kelantan ertinya sampai tahun 1988 bagaimanakah caranya mereka ini dapat berdikari. Apakah projek-projek yang perlu mereka ini adakan, adakah melalui penyertaan dalam perniagaan atau sebagainya kerana kita tidak mahu apabila sampai hampir 8 tahun atau 10 tahun masa akan tamat nanti kita terpaksa menyambung lagi 10 tahun ini kepada masa yang lebih panjang lagi. Ini hanya dapat dibuat dengan satu perancangan jangka panjang, misalnya rancangan 10 tahun atau rancangan 5 tahun dan ini boleh disemak dari semasa ke semasa. Insya Allah, kalau perancangan berjalan dengan betul dan kalau pengawasan dapat dikesan dengan baik dan dimonitor dengan betul segala-segala perkara yang berjalan on the ground, maka saya yakin dan percaya selepas 10 tahun akan datang Majlis-majlis Daerah, hatta kepada Majlis-majlis Daerah di luar-luar bandar, insya Allah dapat berdikari.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

6.12 ptg.

Puan Hajjah Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan saya menyokong di atas Rang Undang-undang yang telah dibentangkan ini dan saya berpendapat adalah sangat wajar dan perlu kerana kita semua sedia maklum tiap-tiap Penguasa Tempatan yang disusun semua telah diberi tanggungjawab menyenggara, mengemas, merancang dan mengatur supaya Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dapat memberi kemajuan kepada rakyat di mana satu-satu Majlis itu berada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana dengan memberi peruntukan kepada Penguasa-penguasa Tempatan melalui Kerajaan Negeri dapatlah pihak Penguasa-penguasa Tempatan menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan lagi. Bukanlah selama ini Penguasa-penguasa Tempatan tidak menjalankan tugas-tugas sebagai sebuah Majlis tetapi dengan lebih faham kita semua maklum dengan mengharapakan pembayaran hasil-hasil pintu dan hasil-hasil yang lain dan kerap kali pembayaran-pembayaran ini setengah daripadanya ialah dikhaskan kepada pengutip-pengutip hasil pintu di kawasan-kawasan luar bandar. Ada kalanya mereka ini tidak membayar hasil pintu sehingga membebaskan Majlis ini berhutang berganda-ganda sampai berjuta-juta ringgit. Maka dengan sebab inilah saya menyokong Rang Undang-undang ini. Kita tahu ada satu masa Pengerusi Majlis Tempatan ini telah memberitahu saya peruntukan untuk membayar gaji kepada kakitangan itupun tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah elaun kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat. Saya tak tahulah di dalam Majlis-majlis Daerah atau Majlis Perbandaran yang lain tetapi di Sungai Petani, Ahli-ahli Majlis Daerah Kerajaan Tempatan ini elaun mereka sangatlah kecil, tidak sampai \$100 sebulan. Elaun yang dibayar mengikut kehadiran mesyuarat, sekali mesyuarat dibayar \$20, kalau mereka ini mesyuarat tiga kali barulah dapat \$60. Inipun jika mereka ini dilantik menduduki sebarang Jawatankuasa Kecil, kalau tidak, tak dapatlah mereka sampai \$100 seperti saya sebutkan tadi. Saya mencadangkan biarlah elaun mereka ini ditambah dan ditetapkan dengan cara pembayaran tetap sebulan sekali, bukanlah seperti yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan beban yang dipertanggungjawabkan kepada Penguasa Tempatan ini sangat banyak, seperti membaiki jalan-jalan, parit-parit, membersihkan bandar, lampu-lampu jalan, begitu juga tempat-tempat letak kereta dan juga tempat penjaja-penjaja kecil berniaga, saya sangatlah mengharapakan peruntukan ini dan saya sanjung tinggi. Selain daripada itu dengan peruntukan yang ditambahkan ini dapatlah tiap-tiap Penguasa Tempatan itu mengadakan tambahan kakitangan kerana kita dapat

kakitangan di sesebuah Majlis itu tidak mencukupi. Dengan adanya peruntukan ini dapatlah mereka itu menambah kakitangan seperti kerani, pemandu lori dan juga buruh-buruh. Selain daripada itu, dengan peruntukan tadi dapatlah Penguasa-penguasa Tempatan ini menambahkan kenderaan, seperti lori-lori sampah dan juga alat-alat seperti tong-tong sampah supaya tong-tong sampah ini dapat diletakkan di tempat-tempat yang sesuai dan bolehlah penghuni-penghuni rumah ini tidak membuang sampah sarap dengan tidak teratur.

Dengan adanya peruntukan tadi, selain daripada tong sampah, kita tahu juga di dalam sebuah-buah Majlis Tempatan itu alat-alat perabot itupun tidak berapa mencukupi, kerusi-kerusi meja itupun buruk. Jadi dengan pertambahan itu dapatlah alat-alat ini diperbaharui.

Saya menyokonglah di atas peruntukan yang akan diberi kepada tiap-tiap Majlis Tempatan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

6.17 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Pemberian kepada Negeri (Penyenggaraan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan) 1980.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 dalam Akta ini telah memberi peruntukan, iaitu Pihak Persekutuan semasa memberi pemberian ini bolehlah mengenakan had dan syarat yang akan dipatuhi oleh sesuatu negeri. Dalam menyentuh Fasal 3 ini saya harap pihak Kementerian yang berkenaan akan mengkaji kedudukan Majlis-majlis yang tersebut.

Saya suka menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri tentang Negeri Pulau Pinang. Di Negeri Pulau Pinang ada hanya 2 Majlis dan yang anihnya Majlis ini dinamakan Majlis Perbandaran, satu yang di Pulau namanya Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan sebuah lagi di Seberang Perai namanya Majlis Perbandaran Seberang Perai. Dengan nama Majlis Perbandaran ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan sendirinya bererti seluruh

Pulau Pinang itu dianggap sebagai bandar walaupun di atas bukit, hutan rimba itupun dinamakan bandar juga, ini yang anihnya. Begitu juga di Seberang Perai, kawasan yang begitu besar meliputi kawasan tanaman dan hutan rezab dan sebagainya dinamakan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Kalau diteliti Majlis Perbandaran ini mestilah memberi kemudahan-kemudahan seperti mengangkut sampah, menyediakan lampu-lampu jalan, menyediakan kakitangan untuk membersihkan jalan dan sebagainya.

Adakah dengan nama Majlis Perbandaran Pulau Pinang ini segala kemudahan-kemudahan yang dapat dalam bandar boleh dipanjangkan sampai ke dalam sawah dan sebagainya? Ini sudah terkeluar daripada konsep yang sebenar. Jadi saya harap pihak Kementerian berkenaan mengkaji balik adakah sesuai nama Majlis Perbandaran Pulau Pinang ini yang meliputi seluruh Pulau dan Majlis Perbandaran Seberang Perai meliputi seluruh Seberang Perai, pada hal kemudahan tak boleh kita beri.

Yang peliknya dan yang menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua, bila majlis itu Majlis Perbandaran berkait dengan cukai atas hasil rumah. Kita tidak bolehlah mengadakan satu cukai yang berlainan antara bandar dengan luar bandar sebab namanya perbandaran. Pada hal kemudahan kita ini hanya meliputi kawasan bandar sahaja sebaliknya hasil perkara cukai rumah dan sebagainya ini yang membebaskan penduduk-penduduk di luar bandar.

Hanya 1/5 daripada kawasan pulau itu yang menjadi bandar, lagi 4/5 itu kawasan luar bandar serupa macam kawasan negeri-negeri lain. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian atas perkara ini oleh sebab Majlis Perbandaran ini meliputi seluruh pulau dan seluruh Seberang Perai, kalau petani hendak buat sebuah pondok pun terpaksa mengemukakan pelan, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak diri sebuah pondok kena mengemukakan pelan yang harganya berpuluh-puluh ringgit, kena diakui oleh akitek dan sebagainya, ini tidak menasabah. Saya harap perkara ini akan diambil perhatian berat. Ini yang menyusahkan orang ramai terutama petani. Yang hendak buat pondok itu bukanlah daripada kayu, simen dan sebagainya, daripada kayu bakau, ranting-ranting pokok yang boleh didapati di kawasan-kawasan belukar di sekitar. Ini pun

berkehendakkan pelan. Ini sudah keterlaluan Perbandaran kita ini. Kita namakan, kita hanya bagi lip service tetapi kita tidak dapat memanjangkan kemudahan-kemudahan yang sepatutnya mengikut namanya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mengkaji semula, dapat berunding dengan Kerajaan Negeri sama ada elok kita adakan hanya satu sahaja majlis ataupun diadakan satu majlis lagi yang dinamakan Majlis Luar Bandar di mana kemudahan-kemudahan kita dapat menyesuaikan dengan keadaan di luar bandar, yang Majlis Perbandaran kita sesuaikan dengan majlis dalam bandar.

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah parit. Di Pulau Pinang walaupun pulau itu kecil tetapi bila berlaku hujan lebat dua jam atau tiga jam, ada tiga empat kawasan yang sentiasa bah, bukan di Kelantan, bukan di Kuala Lumpur sahaja, banjirnya sampai ke anak tangga, sampai ke lantai rumah. Ada tiga empat kawasan rendah. Maka dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk membina atau meluruskan parit atau anak sungai aliran air itu. Pihak Majlis Perbandaran kata ini adalah tanggungjawab pihak Jabatan Parit dan Taliair (JPT). Jabatan Parit dan Taliair kaji pula masalah banjir ini. Kaji punya kaji empat tahun tidak selesai kaji dan akhirnya dapat tahu, kata: tugas JPT ialah mengadakan taliair untuk tanaman, bukan taliair untuk bandar. Ini masalahnya. Jadi penduduk-penduduk yang berkenaan tadi sentiasa tenggelam sampai hari ini. Apa yang boleh dibuat oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) hanya menyediakan lampu suluh yang kita panggil spotlight di kawasan yang berkenaan, jika berlaku banjir waktu malam boleh orang ini lari cepat, nampak dengan tidak payah pasang lampu. Itu sahaja kemudahan yang dapat diberi. Kita rasa pelik dan geli hati akan perkara yang berlaku ini. Kemudahan lain dia tidak boleh buat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penduduk-penduduk yang sentiasa terancam oleh banjir bila berlaku hujan lebat dalam masa empat lima jam sudah berlaku lebih kurang 10 tahun dan apabila pihak jurutera mengkaji untuk hendak mencari jalan mengelakkan banjir itu, sungai yang terlibat tadi berkehendakkan \$10 juta untuk hendak mencegah banjir ini \$10 juta dikehendaki untuk hendak meluruskan sungai itu sahaja. Ini sudah tentulah

pihak Majlis Perbandaran yang berkenaan tidak mampu. Hanya untuk hendak membuat satu projek memakan belanja begitu besar \$10 juta. Saya harap perkara ini akan dapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Maksud saya parit-parit utama dalam bandar kita sekarang ini banyak mempunyai projek-projek perumahan di tiap-tiap estet perumahan tadi hanya membuat saluran outletnya hanya dalam kawasanya sahaja. Oleh sebab estet-estet perumahan ini begitu banyak maka mestilah ada satu outlet yang besar, melibatkan belanja yang berjuta-juta ringgit untuk dialirkan air ini ke laut. Ini yang memakan belanja dan masalahnya tidak ada pemaju perumahan yang mahu bertanggungjawab untuk membina parit yang besar sebab katanya ini bukan kawasan saya, kawasan saya hanya dalam estet perumahan, tetapi parit yang mengalirkan air daripada semua estet-estet perumahan itu tidak ada siapa yang mahu bertanggungjawab dan ini akan balik kepada Kerajaan Tempatan. Dalam hal ini saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberi perhatian utama kepada negeri Pulau Pinang yang menghadapi masalah parit besar yang tidak ada siapa pun mahu bertanggungjawab membinanya dan kalau tidak boleh diberi launching grant patutlah diberi pinjaman jangka panjang. Apabila kita beri pinjaman jangka panjang mana-mana estet perumahan lain yang akan membina rumah dan akan menggunakan parit besar tadi hendaklah kita mensyaratkan bahawa sekian-sekian unit rumah itu mestilah diberi contribution kepada pembinaan parit besar yang telah dibuat oleh Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap fasal parit besar ini, dalam kawasan saya sendiri iaitu kawasan bandar Bayan Baru yang akan dibina, pihak Kerajaan Negeri sedang membina satu parti besar yang panjangnya lebihkurang 4 batu dan sebahagian besar daripada parit ini melalui tanah koperasi di mana saya salah seorang Lembaga Pengarahnya. Pihak Kerajaan telah meminta koperasi ini memberikan sebahagian besar tanahnya melibatkan 11 ekar, Tuan Yang di-Pertua.

Masalahnya di negeri Pulau Pinang dalam Bayan Baru itu satu kaki persegi tanahnya berharga \$5. Kalau satu ekar—satu ekar ada lebihkurang 43,560 kaki persegi. Kalau kita

dzarab dengan \$5 hampir \$250,000—hampir suku juta satu ekar. 11 ekar pihak koperasi terpaksa mengorbankan tanahnya untuk membuat satu parit besar. Sudahlah tanahnya itu diberikan percuma kepada Kerajaan, dia terpaksa pula membina sebuah parit dan apabila kita berjumpa dengan jurutera yang berkenaan, kos untuk membuat parit konkrit ialah \$6 juta. Setengah juta kali 11 ekar, ertinya ada lebih kurang \$6 juta, jadi \$12 juta pihak koperasi ini akan rugi oleh sebab hendak membina sebuah parit besar bukan sahaja untuk faedah perumahan koperasi ini, tetapi untuk faedah perumahan-perumahan dalam kawasanya yang lebih 10,000 unit. Jadi dalam masalah ini saya harap pihak Yang Berhormat Menteri akan mengkaji kalau boleh, saya sedia untuk mengemukakan pelan dan masalah-masalah yang kita hadapi di kawasan ini. Ini juga masih dalam Kerajaan dan tanggungan Kerajaan-kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak kemukakan dalam memberi grant kepada Kedajaan-kerajaan Negeri untuk Majlis-majlis Tempatan ini ialah taman-taman rekreasi di kawasan-kawasan estet perumahan. Sudah beberapa kali dalam soal jawab dalam Dewan ini timbul taman-taman

rekreasi di estet-estet perumahan ini tinggal terbiar. Apabila ditanya kepada Majlis Tempatan yang berkenaan kenapakah tidak dibuat padang permainan kanak-kanak, padang bola dan sebagainya, jawab pihak Majlis Kerajaan Tempatan, kami tidak punya wang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada hendak bercakap lagi?

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi satu sahaja perkara tadi yang disebut iaitu tentang memberi wang sahaja. Itu boleh sambung lagi esok, lepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok hari Jumaat, 12hb Disember, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.